

PENGARUH MOTIF UKIRAN DAN SENI BINA DI MASJID  
LAMA PARIT ISTANA KUALA PILAH, NEGERI SEMBILAN

MOHAMAD AZUAN ELAHEE BIN AZEMI

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
IJAZAH SARJANA MUDA PENGAJIAN WARISAN DENGAN  
KEPUJIAN  
KELANTAN  
2022



Universiti Malaysia  
**KELANTAN**

**PENGARUH MOTIF UKIRAN DAN SENI BINA DI MASJID  
LAMA PARIT ISTANA KUALA PILAH, NEGERI SEMBILAN**

DISEDIAKAN OLEH:

**MOHAMAD AZUAN ELAHEE BIN AZEMI**

Laporan Projek Akhir Ini Dikemukakan Sebagai Syarat Dalam  
Memenuhi Penganugerahan Ijazah Sarjana Muda Pengajian  
Warisan Dengan Kepujian.

**FAKULTI TEKNOLOGI KREATIF DAN WARISAN**

**UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN**

**2022**

## **PERAKUAN STATUS TESIS**

Saya dengan ini memperakarkan bahawa kerja yang terkandung dalam tesis ini adalah hasil penyelidikan yang asli dan tidak pernah dikemukakan oleh ijazah tinggi kepada mana-mana Universiti atau institusi.



## TERBUKA

Saya besetuju bahawa tesis boleh didapati sebagai naskah keras atau akses terbuka dalam talian (teks penuh)



## **SEKATAN**

Saya bersetuju bahawa tesis boleh didapati sebagai naskah keras atau dalam talian (teks penuh) bagi tempoh yang diluluskan oleh Jawatankuasa Pengajian Siswazah.

Dari tarikh \_\_\_\_\_ hingga \_\_\_\_\_



SULIT

(Mengandungi maklumat sulit di bawah Akta  
Rahsia Rasmi 1972)\*



TERHAD

(Mengandungi maklumat terhad yang ditetapkan oleh organisasi di mana penyelidikan dijalankan)\*

Saya mengakui bahawa Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak berikut:

1. Tesis adalah hak milik Universiti Malaysia Kelantan.
  2. Perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak untuk membuat salinan tujuan pengajian sahaja.
  3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian.

### Tandatangan Utama

### Tandatangan Penyelia

AZUAN ELAHEE

MOHAMAD AZUAN ELAHEE BIN AZEMI ENCIK SAHRUDIN BIN MOHAMED

Tarikh: 17/2/2022

Tarikh:

Nota\* Sekiranya Tesis ini adalah SULIT atau TERHAD, sila kepilkan bersama surat daripada organisasi dengan menyatakan tempoh dan sebab-sebab kerahsiaan dan sekatan.

## **PENGAKUAN**

Projek Bertajuk "Pengaruh Motif Ukiran Dan Seni Bina Di Masjid Lama Parit Istana Kuala Pilah,Negeri Sembilan. (MOHAMAD AZUAN ELAHEE BIN AZEMI) dan telah diserahkan kepada Fakulti Teknologi Kreatif Dan Warisan (FTKW) sebagai memenuhi syarat untuk Ijazah Sarjana Muda Pengajian Warisan Dengan Kepujian (Konservasi Warisan).

FYP FTKW

UNIVERSITI

Diterima untuk diperiksa oleh:

MALAYSIA

(ENCIK SAHRUDIN BIN MOHAMED SOM)

KELANTAN

## **PERHARGAAN**

Assalamualaikum dan salam sejahtera,

Syukur Alhamdulilah dan setinggi – tinggi rasa syukur ke hadrat llah S.W.T kerana dengan izin kurnia-Nya dapat melengkapkan projek penyelidikan ini. Meskipun terdapat kekangan yang perlu ditempuh dalam usaha melengkapkan projek penyelidikan ini seperti penularan Covid 19 ini masih melanda Malaysia dan seluruh dunia.

Dengan kesempatan ini, penyelidik amat berbesar hati untuk mengucapkan sekalung jutaan ribuan terima kasih kepada penyelia projek penyelidikan saya iaitu Encik Sahrudin Bin iMohamaed Som atas nasihat, bimbingan dan sokongan sepanjang kajian ini dilaksanakan. Atas dorongan beliau sering mengambil berat akan tugas para pelajar di bawah seliaannya dan selalu memberikan pandangan serta pembetulan terhadap kajian yang penyelidik laksanakan.

Selain itu, ucapan terima kasih kepada ibu dan keluarga saya yang sering menjadi pembakar semangat dalam meneruskan perjuangan dalam apa jua perkara yang dilakukan termasuklah memberi semangat dalam menyempurnakan tugas projek penyelidikan dan memberikan maklumat mengenai projek penyelidikan memberi tunjuk ajar, menghulurkan bantuan dan memberikan kerjasama yang baik dalam menjayakan sebuah laporan lengkap dengan maklumat. Segala bentuk bantuan yang telah diberikan secara langsung atau tidak langsung amatlah dihargai kerana tanpa bantuan dan sokongan dari rakan seperjuangan dan pihak yang terlibat mana mungkin tugas projek penyelidikan ini dapat dilengkapkan dengan sempurna dan dilaksanakan dengan baik. Semoga dengan segala bantuan dan kerjasama yang diberikan mampu membuka lembaran baru terhadap dunia sejarah dan warisan di negara Malaysia

## **ABSTRAK**

Projek penyelidikan ini merupakan satu kajian “Pengaruh motif ukiran dan seni bina di Masjid Lama Parit Istana, Kuala Pilah, Negeri Sembilan. Masjid lama Parit Istana merupakan antara masjid lama yang terdapat di Negeri Sembilan. Masjid lama Parit Istana ini telah berusia 218 tahun yang telah dibina pada tahun 1796. Masjid ini dibina oleh masyarakat disini yang terbahagia kepada empat suku utama iaitu, suku Biduanda yang merupakan suku kaum utama, suku kaum Seri Lemak, suku kaum Tiga Nenek, dan juga suku kaum Aceh. Istimewanya masjid ini masih kekal bentuk asal dan dipercayai tiada perubahan atau penambahan pada reka bentuk masjid. Pengkaji telah memilih untuk menjalankan kajian berkenaan masjid lama di Negeri Sembilan kerana masih kurang mendapat prihatian dan sambutan daripada pihak yang bertanggungjawab. Seni bina dan ukiran merupakan salah satu elemen dalam pemuliharaan sesuatu tapak warisan. Antara permasalah kajian dalam kajian pengkaji ialah tiada kajian terhadap ciri-ciri seni bina dan pengaruh motif ukiran terhadap masjid ini. Objektif kajian ini ialah mengkaji ciri-ciri seni bina masjid Lama Parit Istana, mengenalpasti motif ukiran pada elemen seni bina masjid Masjid Lama Parit Istana, dan terakhir ialah mengenalpasti pengaruh motif ukiran pada elemen seni bina masjid Parit Lama Parit Istana. Metodologi kajian yang digunakan dalam penyelidikan ini ialah tertumpu kepada metodologi kualitatif. Pengkaji melakukan kajian dengan secara atas talian, temubual dari sumber perpustakaan. Kajian penyelidikan ini akan mengenal pasti nilai sejarah dan kepentingan masjid lama yang terdapat di Negeri Sembilan. Kajian ini

juga akan memberikan kesedaran kepada masyarakat setempat bahawa masjid lama yang terdapat idi kawasan mereka merupakan aset warisan yang perlu dipelihara.

Kata kunci: *ciri-ciri seni bina, masjid lama parit istana, motif ukiran, pengaruh motif*

## ABSTRAC

This research project is a study "The influence of carving and architectural motifs in the Old Mosque of Parit Istana, Kuala Pilah, Negeri Sembilan. The Old Mosque of Parit Istana is one of the old mosques found in Negeri Sembilan. The old Mosque of Parit Istana is 218 years old. Was built in 1796. This mosque was built by the people here who are happy to four main tribes, namely, the Biduanda tribe which is the main tribe, the Seri Lemak tribe, the Tiga Nenek tribe, and also the Acheh tribe. Original and believed to be no change or adoration on the design of the mosque. The researcher has ichosen to conduct a study on the old mosque in Negeri Sembilan because it still lacks attention and response from those responsible. Architecture and sculpture is one of the elements in the conservation of a heritage site. Among the research problems in the researcher's study is that there is no study on the architectural features and the influence of sculptural motifs on this mosque. The objective of this study is to study the architectural characteristics of the old Parit Istana mosque, identify the carving motifs on the architectural elements of the old Parit Istana Mosque, and finally

to identify the influence of carving motifs on the architectural elements of the Parit Lama Parit Istana mosque. The research methodology used in this research is focused on qualitative methodology. Researchers conducted the study with online, interviews from library sources. This research study will identify the historical value and importance of the old mosques found in Negeri Sembilan. This study will also give awareness to the local community that the old mosques in their area are heritage assets that need to be preserved.

Keywords: ***architectural features, old mosque palace ditch, carving motifs, influence of carving motifs***

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

## ISI KANDUNGAN

<b>PERHARGAAN .....</b>	i
<b>ABSTRAK .....</b>	ii-iii
<b>ABSTRACT.....</b>	iii
<b>BAB 1 : PENDAHULUAN</b>	
1.1 Pengenalan .....	1-2
1.2 Latar Belakang Kajian .....	3-4
1.3 Pernyataan Masalah.....	5
1.4 Objektif Kajian .....	6
1.5 Persoalan Kajian.....	6
1.6 Lokasi Kajian.....	7
1.7 Latar Belakang Masjid Kajian.....	8-9
1.8 Skop Kajian .....	9
1.9 Kepentingan Kajian	
1.9.1 <i>Masyarakat .....</i>	10-11
1.9.2 <i>Negara.....</i>	11

1.9.3 <i>Institusi</i> .....	11-12
1.9.4 <i>Pengkaji</i> .....	12
2. Rumusan Bab.....	13
<b>BAB 2 : SOROTAN KAJIAN</b>	
2.1 Pengenalan .....	14
2.2 Definisi Masjid .....	15-16
2.3 Pengenalan Masjid Warisan .....	17-18
2.4 Kriteria Nilai Kepentingan Seni Bina.....	18-19
2.5 Kepentingan Seni Bina.....	19-20
2.6 Seni Bina Masjid Tradisional di Malaysia.....	21-22
2.7 Masjid tradisional yang terdapat di Malaysia.....	23-24
2.8 Ciri-Ciri Seni Bina Masjid di Malaysia	
2.8.1 <i>Bumbung dan Kubah</i> .....	25
2.8.2 <i>Dewan Sembahyang</i> .....	26
2.8.3 <i>Mimbar</i> .....	27
2.8.4 <i>Mihrab</i> .....	28-29
2.8.5 <i>Menara</i> .....	28-29

2.8.6 <i>Seni Hias pada masjid</i> .....	29-30
2.9 Pengaruh Reka Bentuk Masjid Tradisional di Malaysia.....	30-31
2.10 Susun Atur Masjid Tradisional.....	31-32
2.11 Ragam Hias Masjid.....	33-36
2.12 Rumusan Bab.....	36
<b>BAB 3 : METODOLOGI KAJIAN</b>	
3.1 Pengenalan .....	37-38
3.2 Reka bentuk Kajian .....	39-43
3.2.1 <i>Kajian Lapangan</i> .....	44
3.2.2 <i>Temubual</i> .....	45
3.2.3 <i>Catatan</i> .....	45-46
3.2.5 <i>Rakaman Foto</i> .....	46-47
3.2.5 <i>Sumber Perpustakaan</i> .....	47
3.3 Instrumen Kajian.....	48-49
3.4 Prosedur Pungutan Data .....	49
3.5 Kaedah Analisis Data.....	49
3.6 Jangkaan Dapatan Kajian.....	49-52

3.7 Rumusan Bab.....	53
<b>BAB 4 : DAPATAN KAJIAN</b>	
4.1 Pengenalan.....	54-55
4.2 Analisis Demografi .....	55-60
4.3 Analisis Demografi Responden.....	61-62
4.4 Ciri -ciri Seni Bina Masjid Lama Parit Istana.....	62-65
a) <i>Susun atur ruang</i> .....	65-66
b) <i>Kerangka Binaan</i> .....	67
c) <i>Reka Bentuk Bumbung</i> .....	68-71
d) <i>Ruang Solat</i> .....	72-75
e) <i>Dinding</i> .....	76-77
f) <i>Tangga</i> .....	78
g) <i>Ragam Hiasan</i> .....	79-80
4.5 Motif Ukiran pada elemen Seni Bina Majid.....	81-89
4.6 Rajah motif ukiran pada tiang Seri Utama.....	90-92
4.7 Penerangan motif ukirn pada tiang Seri Utama.....	93-92
4.8 Analisis Makna motif ukiran.....	99-101

4.9 Penerangan makna ukiran pada tiang Seri Utama.....	101-105
4.10 Rumusan Bab.....	106

## BAB 5 : PERBINCANGAN, RUMUSAN DAN CADANGAN

5.1 Pengenalan.....	107
5.2 Perbincangan	
5.2.1 <i>Struktur Binaan</i> .....	107-108
5.2.2 <i>Keistimewaan</i> .....	108
5.2.3 <i>Hubungan manusia dengan alam</i> .....	108
5.2.4 <i>Daya Kreatif dalam ukiran kayu</i> .....	108-109
5.2.5 <i>Prinsip estetika dalam ukiran kayu melayu</i> .....	109-110
5.2.6 <i>Falsafah dan pemikiran pengukir</i> .....	110
5.3 Cadangan	
5.3.1 <i>Menaiktaraf masjid</i> .....	111
5.3.2 <i>Aktiviti dokumentari</i> .....	112
5.3.3 <i>Memartabatkan ukiran</i> .....	112-113
5.3.4 <i>Peranan Kerajaan</i> .....	113-114
5.4 Rumusan bab .....	114

<b>6.0 RUJUKAN.....</b>	115-118
<b>7.0 LAMPIRAN.....</b>	119-120



UNIVERSITI  
—  
MALAYSIA  
—  
KELANTAN

## BAB 1

### PENDAHULUAN

#### 1.1 Pengenalan

Masjid adalah sebuah institusi yang amat penting dalam pembangunan Islam dan umatnya. Perkara pertama yang dilakukan oleh Rasulullah S.A.W. selepas berhijrah dari Makkah ke Madinah ialah membina sebuah masjid yang diberi nama Masjid Quba'. Masjid telah menjadi tempat ibadah kepada seluruh umat Islam dan merupakan pusat penyebaran dakwah dan ilmu-ilmu Islam. Solat berjemaah, pengajian agama dan juga perhimpunan keagamaan juga turut diadakan di masjid.

Menurut Shaikh Ali Mohamad Mokhtar (2003:3), perkataan masjid bermaksud tempat sujud iaitu tempat melaksanangkan ibadah serta menyatakan pengabdian yang tulus ikhlas kepada Allah s.w.t sebagai Tuhan yang satu-satunya yang layak disembah. Menurut Muhd. Fadli Ismail (2003: 1), masjid disebut sebanyak 28 kali di dalam al-Quran dengan mengulangi perkataan masjidun sebanyak 20 kali, masaajida sebanyak 6 kali dan masjidan 2 kali. Masjid dari segi bahasa bermaksud tempat sujud iaitu diambil dari perkataan perbuatan dalam Bahasa Arab sajada-yasjudu yang bererti sujud. Sujud adalah kemuncak kepatuhan dan penghinaan diri. Apabila seseorang itu patuh dan taat kepada Allah dia pasti akan sujud.

Pada era globalisasi ini, pelbagai industri perkilangan, pusat beli-belah, dan perumahan telah dibina dan menggunakan kawasan tanah yang luas. Isu perobohan bangunan bersejarah adalah antara isu yang hangat dibincangkan .Akan tetapi, terdapat juga negara yang merobohkan bangunan-bangunan bersejarah ini. Malahan, terdapat pelbagai kepentingan untuk memelihara bangunan– bangunan bersejarah idi negara kita.

Bangunan warisan adalah merupakan aset kepada negara malahan dapat menjana pendapat negara. Bangunan dan monumen bersejarah dapat memberi contoh dan pengajaran kepada masyarakat, khususnya kepada remaja yang mempunyai semangat patriotisme yang lemah. Walaupun, sebahagian bangunan lama hanya menunjukkan peristiwa hitam, akan tetapi jika kita menghargai sejarah di sebalik bangunan itu dan mengambil pengajaran daripada peristiwa hitam yang telah berlaku, kita akan lebih maju kehadapan tanpa mengulangi kesilapan yang telah berlaku oleh masyarakat terdahulu. Sebagai contoh, Kota A'Famosa di Melaka iaitu kubu kuat tentera Portugis yang dibina setelah menawan Melaka dapat dijadikan pengajaran. Penawanannya ini berlaku kerana masalah perpaduan, kelemahan pemimpin dan kelemahan tentera Melaka sendiri. Negara kita juga boleh menjadi negara yang setaraf dengan negara maju lain jika kita tidak mengambil mudah perkara ini dan mengambil pengajaran terhadap sejarah negara kita.Oleh itu, bangunan bersejarah di negara kita tidak perlu dirobohkan.

## 1.2 Latar Belakang Kajian

Malaysia seperti negara-negara membangun yang lain kaya dengan kesan tinggalan sejarahnya. Keunikan seni bina bangunan bersejarah seperti Bangunan Sultan Abdul Samad dan Masjid Jamek di Kuala Lumpur, Bangunan Stadthuys dan Masjid Tengkera di Melaka serta pelbagai lagi bangunan-bangunan bersejarah lain di seluruh negara menampakkan bahawa negara kita Malaysia amat kaya dengan peninggalan bangunan bersejarah yang tidak ternilai harganya (Ahmad, A.G 1997; Kamal, K.S 2007). Di celah-celah kepesatan pembangunan dengan limpahan struktur-struktur moden, bangunan-bangunan lama seperti bangunan pentadbiran kerajaan, institusi kewangan, sekolah, masjid, tokong, gereja dan sebagainya ini masih berdiri walaupun sesetengahnya kelihatan uzur. Masjid-masjid lama sama seperti bangunan lama bersejarah yang lain juga telah memberi sumbangan besar dalam penceritaan sejarah negara. Kesan tinggalan seni bina ini juga tidak ketinggalan mengalami masalah kerosakan sehingga ada yang menyebabkan ia hampir pupus akibat masalah pengabaian.

Negara Malaysia amat kaya dengan peninggalan bangunan warisan yang tidak ternilai harganya. Kesedaran mengenai kepentingan pemuliharaan di Malaysia adalah merupakan satu tanggungjawab yang harus dipikul oleh setiap individu dalam masyarakat. Ini adalah kerana bangunan warisan memiliki elemen estetik dan reka bentuk seni bina yang menarik.

Justeru itu, usaha pemuliharaan adalah amat perlu dilakukan agar generasi yang akan datang berpeluang untuk melihat dan menikmatinya. Dalam usaha untuk memulihara bangunan warisan, Ahmad (2006) menegaskan bahawa segala usaha pemuliharaan bangunan warisan perlu dilaksanakan dengan mengambil kira beberapa faktor seperti nilai sejarah, warisan, seni bina, usia, fungsi, bahan binaan dan penyelenggaraan serta sokongan daripada pelbagai pihak yang berkaitan.

Masjid Al-Aqsa merupakan salah satu tempat suci agama Islam yang menjadi sebahagian daripada kompleks bangunan keagamaan di Kota Lama Baitulmuqaddis. Masjid Al-Aqsa dikenali oleh umat Islam sebagai Al Haram Al Sharif atau "tanah suci yang mulia dan oleh orang Yahudi dan Kristian sebagai Kuil Suci, yang dipercayai di mana Kuli Pertama dan Kuil Kedua pernah dibina. Seni bina merupakan warisan ketara bagi sesebuah wilayah Islam terutamanya seni bina masjid.

Setiap negeri di Malaysia mempunyai ciri-ciri seni bina yang tersendiri yang memberi refleksi personaliti dan identiti di sesuatu kawasan tertentu. Kebanyakkan masjid-masjid di Kuala Pilah menunjukkan bentuk Melayu Nusantara, di mana ia menggunakan ciri-ciri bumbung meru, dan mempunyai struktur yang berbentuk rebung pecah empat(Nasir,1995)

### 1.3 PERNYATAAN MASALAH

Masalah kajian adalah su, kontroversi atau keprihatinan yang ingin dikaji (creswell 112005; 1161). Berdasarkan semakan kajian semasa tiada kajian terhadap motif ukiran dan seni bina terhadap masjid lama Parit Istana Kuala Pilah. Masjid ini mempunyai pengaruh motif dan seni bina tersendiri berbanding masjid lama yang terdapat di Malaysia. Di Semenanjung Malaysia, para lipengkaji limendapati likegiatan limenghasilkan liukiran litelah libermula lisejak zaman Neolitik lagi. Ini berdasarkan kepada beberapa penemuan tembikar yang mempunyai motif-motif ukiran yang ringkas (Mustapha Muhammad 1982:87). Selain itu, pengetahuan orang awam terhadap seni bina masjid warisan yang masih kurang memberangsangkan. Orang ramai lebih mengetahui minatreka bentuk masjid dari timur tengah berbanding seni bina masjid warisan di Malaysia. Oleh itu, masjid warisan Malaysia semakin terpinggir dan makin kurang dapat prihatian dari golongan muda.

UNIVERSITI  
Negeri  
SULTAN  
MAHLANG  
KELANTAN

#### 1.4 objektif kajian

Objektif kajian merupakan satu keperluan dalam penyelidikan bagi memastikan kajian yang dilaksanakan dapat mencapai matlamat utama. Antara objektif yang ingin difokuskan dalam kajian ini adalah:

1. Mengkaji ciri-ciri seni bina masjid Lama Parit Istana, Kuala Pilah, Negeri Sembilan.
2. Mengenalpasti motif ukiran pada elemen seni bina masjid Masjid Lama Parit Istana, Kuala Pilah, Negeri Sembilan.
3. Mengenalpasti pengaruh motif ukiran pada elemen seni bina masjid Parit Lama Parit Istana, Kuala Pilah, Negeri Sembilan.


#### 1.5 Persoalan Kajian

Persoalan merujuk kepada objektif yang telah ditetapkan oleh penyelidik. Antara persoalan kajian ialah:

1. Apakah ciri-ciri seni bina masjid Lama Parit Istana, Kuala Pilah, Negeri Sembilan.?
2. Apakah motif ukiran pada elemen seni bina masjid Lama Parit Istana, Kuala Pilah, Negeri Sembilan.?
3. Apakah pengaruh motif ukiran pada elemen seni bina masjid Parit Istana, Kuala Pilah, Negeri Sembilan.?

## 1.6 Lokasi Kajian

Kajian ini telah dijalankan di sekitar kawasan Kampung Parit Tengah, 71500 Seri Menanti, Negeri Sembilan. Tujuan lokasi ini dipilih adalah untuk mengkaji tentang Pengaruh motif ukiran dan seni bina di Masjid Lama Parit Istana Kuala Pilah, Negeri Sembilan. Masjid ini dibina oleh masyarakat disini yang terbahagi kepada empat suku utama iaitu, suku Biduanda yang merupakan suku kaum utama, suku kaum Seri Lemak, suku kaum Tiga Nenek, dan juga suku kaum Acheh. Terdapat ukiran yang dipercayai diukir oleh setiap suku-suku ini pada setiap tiang seri masjid ini. Masjid ini menggunakan bahan kayu sepenuhnya cuma pada bahagian atap masjid menggunakan nipah telah digantikan dengan kepingan zink. Banyak maklumat yang dapat dikumpul untuk dianalisis apabila memilih lokasi tersebut untuk menjalankan kajian.



Rajah 1.1: Peta ke laluan Masjid Lama Parit istana, Kuala Pilah

Sumber: Google Maps

### 1.7 Latar Belakang Masjid Kajian



Rajah1.2 : Gambar Masjid Lama Parit Istana, Kuala Pilah, Negeri Sembilan

Sumber : *Google Images*

Masjid Lama Parit Istana ini dibina oleh masyarakat setempat yang terdiri dalam empat suku utama iaitu, suku Biduanda yang merupakan suku kaum utama, suku kaum Seri Lemak, suku kaum Tiga Nenek, dan juga suku kaum Acheh. Keistimewaan masjid ini adalah binaan tapak dan struktur masjid masih kekal pada bentuk asal dan dipercayai tiada perubahan atau penambahan pada reka bentuk masjid. Struktur masjid ini masih lagi kelihatan kukuh dan jelas dalam kedudukan asal tapak pembinaan masjid tersebut pada awal pembinaannya. Terdapat ukiran yang dipercayai diukir oleh setiap suku ini pada setiap tiang iseri masjid ini. Masjid ini menggunakan bahan kayu sepenuhnya dalam pembinaan masjid tersebut. Terhadap perubahan tehadap struktur pada bahagian

ataupun masjid yang pada mulanya menggunakan daun nipah namun kini telah digantikan dengan kepingan zink.

### 1.8 Skop Kajian

Kajian ini dijalankan di daerah Kuala Pilah, Negeri Sembilan. Terdapat 68 buah masjid di daerah tersebut dan hanya satu buah masjid dipilih oleh pengkaji berdasarkan kepada senarai masjid yang diperolehi dari Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sembilan (JHEAINS). Perkara-perkara seperti masalah kewangan, kekangan masa dan kurang kajian lepas antara batasan kajian pengkaji dalam penyelidikan ini. Kekurangan sumber dari daripada komuniti masyarakat yang mahir terhadap motif ukiran dan seni bina terhadap kajian ini mungkin berlaku disebabkan masyarakat setempat masih kurang pendedahan terhadap pengaruh motif ukiran dan seni bina masjid aman tersebut. Kajian ini juga tidak boleh memberi penyelesaian kepada semua objektif kajian pengkaji.

Skop kajian ini menumpukan kepada tiga aspek iaitu ciri-ciri seni bina Masjid Lama Parit Istana, mengenalpasti pengaruh motif ukiran terhadap Masjid Lama Parit Istana dan mengenalpasti pengaruh elemen motif ukiran terhadap Masjid Lama Parit Istana, Kuala Pilah. Masjid Lama Parit Istana terletak diikawasan Selatan Malaysia berhampiran dengan Bandar Raya Seremban. Jarak masjid ini dengan Seremban adalah sejauh 27.8 km bersamaan 30 minit.

## 1.9 Kepentingan Kajian

Hasil kajian dapat memberi gambaran kepada pengkaji dan ilimasyarakat terhadap pengaruh motif ukiran dan seni bina terhadap Masjid Lama Parit Istana, Kuala Pilah, Negeri Sembilan. Penyelidikan terhadap kajian ini mempunyai nilai kepentingan kepada pelbagai pihak yang akan mendapat manfaat dan mempunyai impak yang positif dalam memelihara masjid lama di Malaysia. Hal ini akan menjadikannya sesuatu keistimewaan betul pada terhadap Masjid Lama Parit Istana ini akan memberi manfaat kepada pelbagai pihak termasuklah masyarakat, institusi, negara dan pengkaji. Terdapat kepentingan yang ingin dicapai pada warisan ketara ini adalah seperti berikut

### 1.9.1 Masyarakat

Kepentingan dalam kajian yang dilaksanakan bagi masyarakat untuk memupukkan tahap nilai kesedaran dalam kelompok masyarakat terhadap kepentingan dan nilai estetika yang terdapat pada masjid tradisional di Malaysia. Pemuliharaan terhadap masjid tradisional di Malaysia semakin berkurangan kerana memerlukan kos dan perjagaan. Hal ini, menyebabkan warisan ketara ini akan dilupakan ditelan zaman. Kewujudan masjid moden dan mempunyai pengaruh ukiran dan seni bina yang terkini menyebabkan sesetengah masjid tradisional di Malaysia tidak dijaga dengan baik malahan masjid lama hanya dijadikan stor simpanan barang sahaja kerana kewujudkan masjid baru. Kajian ini dapat menjawab persoalan komuniti masyarakat terhadap pengaruh ukiran dan seni terhadap masjid tradisional di Malaysia. Malahan mereka akan mengetahui

keunikan masjid tersebut dan dapat menimbul kasih sayang terhadap masjid tradisional. Justeru itu, ianya akan memberikan impak yang positif dan memberangsangkan dalam memartabatkan warisan ketara iaitu masjid tradisional sekaligus tidak dilupakan dan memberi sinar harapan kepada masyarakat untuk lebih menghargai khazanah warisan ketara ini (Salinger, 1997).

### 1.9.2 Negara

Pemuliharaan dan pembangunan semula terhadap masjid tradisional Malaysia ini akan menjadi satu warisan ketara yang dapat diwujudkan. Sekaligus dapat menarik pengkaji mahupun pelancong luar dan dalam yang berminat terhadap warisan di Malaysia. Secara tidak langsung peningkatan sumber ekonomi masyarakat setempat yang berada berhampiran Kuala Pilah. Hal ini akan menarik perhatian penduduk untuk membangunkan kembali masjid tradisional di Kuala Pilah dan Malaysia. Keunikan dan keistimewaan ini akan menjadi daya tarikan kepada pelancong domestik dan antarabangsa untuk mempelajari keunikan terhadap sesuatu masjid tradisional di Malaysia. Mengikut Paul Box (1999), galakkan penyertaan oleh orang awam atau komuniti dalam pemeliharaan sesuatu sumber atau aset warisan ini sudah pasti menampakkan akan keuntungan pada masa akan datang terhadap negara ini.

### 1.9.3 Institusi

Kajian dalam penyelidikan yang dilaksanakan merupakan salah satu subjek yang diambil iaitu projek penyelidikan pertama oleh pengkaji sebagai syarat dalam memenuhi Ijazah Sarjana Muda Pengajian Warisan Dengan Kepujian di Universiti Malaysia Kelantan (UMK). Dengan penulisan mengenai projek penyelidikan ini akan memberikan buah hasil dan kefahaman kepada pelajar melalui penyelidikan yang dikaji serta melahirkan ramai penyelidik yang mampu memartabatkan dan mengetengahkan isu dalam pemeliharaan dan pemuliharaan terhadap khazanah warisan ketara iliatau tidak ketara. Tidak itu sahaja, iaanya akan memberikan ilmu pengetahuan yang baharu kepada penyelidik akan datang dan pelajar dalam mencari maklumat, mengumpulkan data serta sebagai rujukan kajian terhadap masjid tradisional di Malaysia. Pendidikan di Malaysia adalah satu usaha berterusan ke arah memperkembangkan lagi potensi individu secara menyeluruh dan bersepada untuk mewujudkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani. Usaha ini adalah bagi melahirkan rakyat Malaysia yang berilmu pengetahuan, berakhhlak mulia, bertanggungjawab, berketerampilan dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberi sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran keluarga, masyarakat dan negara (Pejabat Penerbit Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, 2012 ).

### 1.9.4 Pengkaji

Penyelidikan yang dilaksanakan oleh pengkaji ini mampu memberi kefahaman dan ilmu pengetahuan mengenai pengaruh motif ukiran dan

seni bina terhadap Masjid lama Parit Istana, Kuala Pilah, Negeri Sembilan kepada pengkaji. Oleh itu, pengumpulan maklumat dan data akan diperolehi melalui temubual dengan komuniti masyarakat setempat di Kuala Pilah. Pengkaji juga akan membuat pencarian sumber ilmiah dan beberapa kajian lepas sebagai rujukan kepada kajian yang dilaksanakan. Penyelidikan ini juga dapat digolongkan kepada penyelidikan kepustakaan (*library research*) dan kajian lapangan (*field research*) kerana sumber datanya diperolehi dari sumber perpustakaan dan lapangan.

## 2.10 Rumusan Bab

Kesimpulannya, kajian ini akan membincangkan pengaruh motif ukiran dan seni bina terhadap Masjid lama Parit Istana, Kuala Pilah, Negeri Sembilan yang mempunyai maksud yang tersirat dan tersurat semasa perbinaannya. Kajian ini dijalankan dengan kaedah-kaedah kualitatif dan yang dan tetap. Pengkaji juga menetapkan tiga objektif utama terhadap penyelidikan ini. Hal ini objektif akan menentukan hala tuju penyelidikan. Hal ini juga akan mengungkapkan terhadap kajian pengkaji.

Kajian ini secara langsung dapat memberikan jawapan pengaruh motif ukiran dan seni bina terhadap sesebuah masjid tradisional di Malaysia. Oleh itu, kajian sebegini perlu dilakukan dengan lebih meluas demi menjaga khazanah warisan di Malaysia. Pelbagai pihak mempunyai peranan masing-masing untuk memelihara dan memulihara warisan ketara terutama di Malaysia.

## BAB 2

### SOROTAN KAJIAN

#### 2.1 Pengenalan

Bab ini akan membincangkan dan menerangkan mengenai kajian-kajian terdahulu yang telah dikaji oleh penyelidik, terutama sekali kajian yang berkaitan dengan masjid lama Parit Istana, Kuala Pilah, Negeri Sembilan. Berkaitan dengan seni bina dan motif ukiran terhadap masjid tersebut. Kajian terdahulu amat penting bagi sesebuah penyelidikan. Kajian terdahulu ini penting kerana dengan adanya tersebut, hanya dapat membezakan kajian yang akan dilakukan dengan kajian-kajian yang pernah dilakukan sebelum ini. Selain itu juga, dengan adanya kajian terdahulu ini, kajian-kajian tersebut boleh dijadikan sebagai sumber rujukan dan dapat dijadikan sebagai penambahan idea baru yang lebih jelas terhadap kajian yang sedang dijalankan. Kajian terdahulu juga membolehkan penyelidik mempertahankan bahawa kajian yang sedang dilakukan ini merupakan kajian yang asli tanpa meniru kajian-kajian yang pernah dilakukan sebelum ini. Penyelidik menggunakan pelbagai rujukan yang meliputi perihal masjid lama melalui rujukan buku di perpustakaan, majalah, akhbar dan risalah termasuklah rujukan laman sesawang. Sorotan itu perlu menghurai, meringkas, menganalisis, mensintesis, menilai dan menjelaskan kepustakaan yang dipilih (Creswell, 2005). Di dalam sorotan kajian ini juga terkandung pernyataan, kaedah, teori, pendapat, penilaian dan laporan kajian berkenaan tajuk yang dipilih pengkaji.

## 2.2 Definisi Masjid

Dalam kajian beberapa penulisan, perkataan “masjid” dikata berasal daripada perkataan sujud yang bermaksud tempat bersujud, dalam erti kata “solat”. Walaupun demikian, berdasarkan kajian James Dickie dan Mohd Tajuddin, perkataan “masjid” disebut dalam ayat Al-Qur'an yang membawa maksud hampir serupa tetapi agak berbeza. Firman Allah SWT yang bermaksud :

“Telah diizinkan (berperang) bagi orang yang diperangi kerana sesungguhnya mereka telah dianiaya. Dan sesungguh Allah benar-benar Maha kuasa menolong mereka itu”.

“(laitu) orang-orang yang telah diusir dari kampung halaman mereka tanpa alasan yang benar, kecuali kerana mereka berkata : Tuhan kami adalah Allah. dan sekiranya Allah tiada menolak (keganasan) sebahagian manusia dengan sebahagian yang lain, tentulah telah dirobohkan biara-biara Nasrani, gereja-gereja, rumah-rumah ibadat orang Yahudi dan masjid-masjid, yang di dalamnya banyak disebut nama-nama Allah. Sesungguhnya benar-benar Maha Kuasa lagi maha Perkasa.”

Menurut buku Reka Bentuk Masjid Warisan Melayu (Dewan Bahasa dan Pustaka Kuala Lumpur , 2017). Ayat al-Qur'an tersebut , perkataan “masjid” telah disebut bersama-sama dengan biara, gereja dan kuil yang telah dibangunkan sebelumnya. Kemungkinan ditafsirkan bahawa perkataan itu membawa maksud keseluruhan bangunan yang dikhaskan untuk menyembah tuhan. Namun begitu, terdapat ayat al-Qur'an yang mengandungi perkataan “masjid” tanpa merujuk sebarang bangunan. Hal

ini bermakna perbuatan “sujud” tidak semestinya dilakukan di dalam sesebuah bangunan yang bernama “masjid”

Hadis Nabi Muhammad SAW yang menyifatkan seluruh bumi sebagai tempat untuk umat Islam bersolat membawa erti yang besar bahawa tidak ada tempat khusus untuk bangunan suci dan juga keseluruhan bumi yang bersih boleh dikatakan sebagai “masjid”. Mohd Tajuddin juga memberikan pengertian tentang perbezaan antara “masjid suci” dengan “masjid kemasyarakatan”. Menurut Tajuddin dan ahli akademik lain yang menggunakan perkataan jami sebagai “tempat berkumpulnya manusia”. Oleh itu, masjid bukan sahaja bukan tempat bersolat tetapi juga sebagai suatu unsur dalam ekonomi.

Menurut kaedah-kaedah masjid (1998), dan iEnakmen Pentadbiran Undang-Undang Islam Negeri Pahang (Enakmen No. 3 1991) (Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Islam Negeri Pahang (Enakmen No. 3 1991, n.d.), masjid adalah sebuah atau sesuatu bangunan yang diluluskan oleh Majlis Agama Islam Dan Adat Resam Melayu Pahang (Majlis) untuk kegunaan solat Jumaat dan solat-solat lain serta untuk kegiatan keagamaan yang lain”. Terdapat tiga jenis kategori masjid yang diiktiraf di Malaysia iaitu Masjid Negeri, Masjid Daerah dan Masjid Kariah.

### 2.3 Pengenalan Masjid Warisan

Pada pemerintahan Kesultanan Melayu Melaka, iaitu pada abad ke-15 telah menjadikan Islam sebagai agama rasmi yang dianuti oleh majoriti masyarakatmelayu. Ulama agama dan penduduk tempatan telah membina masjid diikawasan penempatan kecil untuk memenuhi keperluan mereka untuk menyebarkan dakwah Islam dikatakan oleh Ahmad (1999) dan Nasir (1995). Secara umum, di rantau ini pada ketika kedatangan Islam tidak membawa pengenalan bentuk seni bina baru. Sebalinya unsur-unsur seni bina luar dan tempatan telah digunakan dan ditakrifkan semula untuk memenuhi kehendak dan keperluan beribadah dalam islam. Menurut Ismail (2008) menyatakan bahawa terdapat dua jenis masjid yang dibina iaitu pengaruh seni bina serantau dan tempatan.

Selain itu, menurut Ahmad (1999) menyatakan bahawa bumbung masjid berbentuk piramid boleh dibandingkan dengan masjid lama di Indonesia serta boleh diklasifikasi sebagai jenis serantau. Seterunya, pengaruh tradisional diambil dari bentuk rumah Melayu yang menitikberatkan aspek iklim, topografi, alam sekitar dan penyesuaian.


Akta Warisan Kebangsaan (2005) Akta 645, Bahagian (Melayu, 2011), telah mendefinisikan warisan sebagai sesuatu atau benda yang mempunyai nilai sejarah yang telah diwariskan daripada satu generasi ke generasi yang akan datang. Warisan adalah merangkumi dari sudut adat resam, kebudayaan, kawasan, bangunan, bahan arkib serta cetakan seperti buku dan majalah.

Oleh itu, masjid warisan dapat didefinisikan sebagai sebuah masjid lama yang sangat bernilai dari sudut seni bina, pengaruh dan unsur yang dapat menggambarkan nilai sejagat yang tinggi dari segi sejarahnya terhadap zaman ketamadunan Islam di Tanah Melayu.

## 2.4 Kriteria Nilai Kepentingan Seni Bina

Kajian literatur telah mendapati bahawa terdapat bangunan warisan adalah usang, kehilangan ciri-ciri keaslian dalam reka bentuk, seni bina dan bahan binaan disebabkan tiada pengurusan warisan dan tidak dijaga dengan baik dan diubahsuai pada skala yang membolehkan (Kamal, 2007; Idris, 2009).

Menurut Siti Nor Fatimah Zuraidi (2017) mereka memfokuskan kriteria penting untuk mengukur keadaan bangunan warisan. Ketahanan keadaan sesebuah bangunan bukan terletak pada penampilan unsur seni bina, tetapi juga dalam integriti semua komponennya. Di anggap sebagai kriteria unik teknologi pembinaan pada masa lalu. Jumlah penyelidikan memberikan tumpuan kepada penilaian keadaan bangunan warisan sangat terhad (Zuraidi, 2016). Hoxley (2002) mendefinisikan penilaian keadaan sebagai kerja pemeriksaan dan pemerhatian di bahagian luar dan bahagian dalam bangunan, termasuk asas, struktur dan sistem mekanikal untuk mengenalpasti kehadiran sebarang kerosakan kepada bangunan dan komponennya. Terdapat tiga kriteria utama untuk mengukur keadaan bangunan warisan iaitu fabrik, struktur dan perkhidmatan serta 23 atribut di bawah semuanya (Ramlie, 2004).



Rajah 2.3 : Kriteria Mengukur Keadaan Bangunan Warisan

## 2.5 Kepentingan Seni Bina

Menurut Edwards, Griffin dan Hayllar (2008) dalam Scerri, Edwards dan Foley (2016), bentuk fizikal seperti yang ditakrifkan oleh seni bina merujuk kepada ruang yang mempunyai nilai estetika dan mampu membantu menarik minat orang untuk mengenali dengan lebih dekat mengenai sejarah dan fizikal senibina yang ada. Membantu meningkatkan motivasi pelancong ke kawasan itu melalui pelbagai tumpuan yang menarik perhatian pengunjung dan menawarkan kepada mereka pengalaman yang kaya (Krolikowski dan Brown, 2008).


Dalam pengertian ini, nilai-nilai seni bina dapat dilihat mempunyai pengaruh secara langsung terhadap motivasi. Di seluruh dunia, seni bina

sentiasa mempunyai pengaruh yang kuat dalam pelancongan. Sebagai contoh seperti yang dilihat dalam pelancongan *mass tourism*, bangunan bersejarah, istana dan monumen seperti yang terdapat di Eropah dan Asia sehingga kini masih terus menerima lebih ramai ketibaan pelancong dari seluruh dunia seni bina yang hebat boleh menjadi instrumen untuk meningkatkan imej destinasi seterusnya meletakkan sesebuah destinasi yang kurang dikenali di dalam peta dunia.

Menurut Scerri, Edwards dan Foley (2016), sesebuah binaan bangunan boleh menjadikan sesebuah tempat mudah dikenali dan diingati. Gambaran seni bina menjadi sinonim kepada imej sesebuah destinasi. Penulis juga berpendapat bahawa bangunan bersejarah telah merakamkan peristiwa-peritiwa penting seperti perayaan, sambutan hari peristiwa yang melibatkan orang-orang penting yang terakam dalam sejarah seni bina tersebut. Sementara itu, muzium adalah bangunan yang memegang dan mempamerkan produk budaya serta artifak bersejarah yang berfungsi sebagai titik rujukan pendidikan bagi masyarakat tempatan dan pelancong luar negara.

## 2.6 Seni Bina Masjid Tradisional Di Malaysia

Menurut Sidi Gazalba, op.cit 129; Mustafa Hj. Daud, Pengantar Masyarakat Islam, K.Lumpur DBP, 1990, hal. 229. Seni bina masjid di Malaysia mempunyai dua bentuk yang berlainan, iaitu bentuk dari pengaruh tradisi serantau yang dikenal juga dengan masjid tradisional dan masjid kolonial. Masjid tradisional masjid yang dibina sebelum berlakunya penjajahan. Bentuk masjid kedua banyak terpengaruh dengan seni bina dari luar terutama dari Timur Tengah, Maghribi dan India. dibina semasa penjajahan dan selepas merdeka. Masjid tradisional masih terikat kuat dengan pengaruh iklim dan persekitaran seperti cuaca panas dan hujan lebat sepanjang tahun. Perbincangan seni bina masjid akan imenentuh beberapa binaan yang menjadi ciri-ciri binaan masjid, iaitu bumbung atau kubah, dewan sembahyang, mimbar, mihrab dan menara.



Rajah 2.3 : Struktur seni bina masjid tradisional di Malaysia

Sumber : Google *Images*

**Tipologi Seni Bina Masjid  
Warisan di Malaysia**

Masjid Tradisional

Masjid  
Kolonial

Contoh Masjid



Contoh Masiid



Masjid Kg .Laut

Masjid Sultan Abu  
Bakar, Johor Bharu

## 2.7 Masjid tradisional yang terdapat di Malaysia

Malaysia merupakan antara negara yang paling awal menerima pengaruh agama Islam. Oleh itu, terdapat beberapa buah masjid lama yang telah dikenal pasti sebagai imasjid lama yang terdapat di Malaysia. Masjid Kampung Laut yang terletak di Tumpat, Kelantan merupakan masjid yang telah diiktiraf sebagai masjid tertua di Malaysia. Menurut portal laman web rasmi Masjlis daerah Tumpat (Naziran, 2019), masjid ini telah dibina pada abad ke- 18 oleh para ulama Islam dari Champa dan Jawa dengan pertolongan daripada penduduk tempatan.



Rajah 2.4.1 : Masjid Kampung Laut

Sumber : Google Images

Masjid aman yang turut terkenal di Malaysia adalah Masjid Abidin atau imasjid lebih dikenali sebagai Masjid Putih yang terletak di negeri Terengganu. Menurut portal Terengganu. (“Masjid Abidin,” n.d.) , masjid ini telah dibina daripada kayu pada tahun 1798 - 1803 oleh Al- Marhum Sultan Zainal Abidin dan pada tahun 1852, Al-Marhum Sultan Umar telah menukarkan bahan bina masjid kepada batu. Masjid ini turut mengalami beberapa perubahan iaitu pertambahan bilangan menara masjid dan pertambahan tiang masjid.



Rajah 2.4.2 : Masjid Abidin, Kuala Terengganu

Sumber :Google *Images*

Menurut portal Jabatan Kemajuan Agama Islam Malaysia, masjid lama yang paling cantik di Malaysia pula adalah Masjid Sultan Abu Bakar yang terletak di atas sebuah bukit. Masjid ini terletak berhampiran dengan bandar Johor Bahru, Johor. Keindahan rekabentuk masjid ini telah menjadikan sebagai sebuah masjid lama tercantik di Malaysia. Masjid ini telah dibina pada tahun 1892 dengan arahan daripada Sultan Abu Bakar (“Masjid Sultan Abu Bakar,” 2021).




Rajah 2.4.3 : Masjid Sultan Abu Bakar, Johor)

Sumber :Google *Images*

## 2.8 Ciri-Ciri Seni Bina Masjid Di Malaysia

### 2.8.1 Bumbung dan Kubah

Menurut Abdul Halim Nasir, Masjid-Masjid di Semenanjung Malaysia, Kuala Lumpur, Berita Publishing, 1984, hal. 35. Bumbung dan Kubah Bentuk bumbung pada masjid tradisional dikenal dengan bentuk atap tumpang kerana terdiri dari beberapa lapis bumbung yang dibina secara bersusun. Ia terdiri dari tiga atau lima lapis. Pada lapis teratas dibentuk mahkota atap atau dikenal juga dengan mastika atau kepala atap. Masjid dalam bentuk bumbung begini juga dikenal dengan masjid bermastaka.



Rajah i2.6.1 : Bentuk atap tumpang

Sumber :Google Images

### 2.8.2 Dewan Sembahyang

Menurut Abdul Halim Nasir, Masjid-Masjid di Semenanjung Malaysia. Dewan sembahyang masjid tradisional berada di bawah bumbung tingkat teratas, sementara mimbar berada bawah bumbung. Lapis kedua, mihrab dan serambi berada di bawah bumbung lapis ketiga. Dewan sembahyang mempunyai pintu masuk dari setiap arah kecuali pada bahagian ibarat yang merupakan arah kiblat. Jumlah pintu yang banyak ini memudahkan para jemaah masuk dari mana-mana arah. Bertujuan untuk membolehkan udara masuk dari setiap arah. Setiap pintu masuk terus bersambung dengan serambi yang digunakan sebagai empat istirehat dan tempat berbincang.

Kebanyakan masjid tradisional dibina dalam bentuk satu tingkat yang dikenali dengan binaan berpanggung seperti binaan rumah kediaman. Ia memuatkan ruang sembahyang dan serambi. Tidak banyak masjid pada zaman ini yang mengkhususkan ruang untuk jemaah wanita kerana hukum pada waktu ini tidak menggalakkan kaum wanita berjemaah di masjid. Ini berbeza dengan dewan sembahyang pada zaman kini yang dibuat dalam dua tingkat yang mengasingkan jemaah lelaki dengan jemaah wanita. Tingkat kedua diatas dikhususkan untuk jemaah wanita. Di samping itu, dewan sembahyang pada masjid kini dihias dengan karpet yang bercorak atau bergaris yang berfungsi sebagai barisan atau saf.

### 2.8.3 Mimbar

Menurut Risalah Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah. Mimbar merupakan tempat khatib menyampaikan khutbah pada waktu sembahyang Jumaat atau sembahyang dua Hari Raya. Merupakan satu binaan kecil yang mempunyai beberapa anak tangga. Ketinggian mimbar bergantung kepada keluasan masjid. Mimbar masjid tradisional khususnya masjid Tengkera mempunyai tiga anak tangga dan masjid Kampong Hulu, Melaka pula mempunyai dua anak tangga. Mimbar pada masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Syah pula terdiri dari dua puluh anak tangga. Ini bersesuaian dengan jumlah jemaah yang boleh ditampung oleh masjid ini, iaitu seramai 10,000 jemaah di tingkat satu dan 6,000 jemaah di tingkat dua. Di bahagian atas mimbar masjid dibina satu kubah kecil berbentuk piramid. Reka bentuk ini menyamai masjid-masjid yang terdapat di Asia Barat seperti masjid Sultan Hassan di Mesir.

### 2.8.4 Mihrab

Menurut Risalah Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah. Mihrab berfungsi untuk menandakan arah kiblat dan tempat berdiri imam ketika sembahyang jemaah. Dibina ke dalam dari garisan dinding kiblat dengan yang berbagai-bagai seperti separuh bulat, silinder menegak atau empat segi bujur. Ia lebih ketara dengan hiasan geometri dan tulisan ayat-ayat al Qur'an. Dalam sejarah Islam, mihrab yang pertama dibina oleh al-Walid di masjid Jamik al-Umawi, Damsyiq. Pada ketika ini marble, mozaik dan arabesque telah digunakan sebagai dekorasi di dinding mihrab. Mihrab di masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Syah lebih mendekati seni bina ini. Dibentuk melengkung seperti terbalik. Batu marmar serta jubin Turki

digunakan untuk menghias mihrab masjid ini dan ditambah dengan ayat al-Qur'an. Mihrab masjid Tengkera dan masjid Kampong Hulu juga dibina melengkung dan menganjung dari dewan sembahyang. Pada bahagian tepi mihrab masjid ini turut dihias dengan ukiran yang ringkas.

#### **2.8.5 Menara**

Munurut George Michell, of Islamic World, London: Thomas & Hudson, 1978,hal.167. Menara merupakan satu tempat yang tinggi untuk melaungkan azan. Ia belum wujud pada zaman awal Islam. Pada waktu ini, Bilal hanya melaungkan azan dari bumbung rumah yang tinggi berhampiran masjid. Binaan menara yang tinggi untuk melaungkan azan berasal dari perilaku Bilal. Dalam sejarah pembinaan masjid, menara pertama didirikan di masjid Basrah dan masjid Amr di Fustat, Mesir pada masa pemerintahan Mu'awiyyah ibn Abi Sufyan. Apabila Islam mula berkembang ke Parsi, Maghribi dan Sepanyol, seni bina dari jajahan baru ini telah memberi idea baru kepada seni bina menara di Timur Tengah. Contohnya ibangunan tinggi Rom (Square Rom Tower) telah mempengaruhi masjid-masjid Bani Umayyah di Damsyiq.

Masjid-masjid tradisional turut mengalami perubahan. Pada peringkat awal, masjid tidak dilengkapi dengan menara, tetapi setelah wujud luar seperti pengaruh Cina dan India, masjid telah mula dilengkapi dengan menara. Binaan menara pula terasing dari binaan masjid. Ia dibuat dari batu dan reka bentuknya jelas menunjukkan pengaruh luar, sama ada dari Cina ataupun India. Menara masjid Tengkera begitu dekat dengan bangunan Pagoda. Menara masjid Kampung Hulu pula lebih ringkas. Ia menyamai bangunan menara di India.

Menara masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Syah pula menyamai bentuk menara masjid di Timur Tengah. Terdiri dari empat buah menara di empat penjuru. Setiap menara ini mempunyai ketinggian 460 kaki 23. Warna menara masjid ini menyamai warna kubah yang hanya menggunakan dua warna iaitu putih dan biru. Warna ini disesuaikan dengan warna langit dan awan. Keadaan menara yang menjulang ke atas dan membentuk lebih kecil seolah-olah menggambarkan pergantungan manusia kepada Allah.

#### **2.8.6 Seni Hias Pada Masjid**

Abdul Halim Nasir, *Ukiran Kayu Melayu Tradisional*, Kuala Lumpur: DBP., 1986, hal i99. Terdapat dua jenis seni hias yang digunakan dalam mengindahkan masjid, iaitu seni halus yang menghasilkan seni ukir dan seni khat. Kedua-dua jenis seni hias ini diukir pada kayu. Ukiran kayu ini terdapat di bahagian kepala pintu, tingkap, dinding pemidang di antara dewan sembahyang dengan serambi, mimbar, pemidang serambi, cucuran atap setiap tingkat bumbung, mahkota atap dan tulang perabung.

Kebanyakkan ukiran menggunakan sistem tebuk terus kerana berfungsi sebagai alat pengudaraan. Di samping itu, terdapat beberapa teknik tebuk ain yang dikenali dengan tebuk separuh dan tebuk timbul. Pola ukiran pula terdiri daripada pola bujang atau dikenal juga dengan pola putu, pola bingkai (pemidang) dan pola lengkap. Motif pola bujang menampakkan iligaya bebas, berdiri sendiri, tidak terikat, berkait dan bersambung-sambung. Banyak mengambil unsur kuntum bunga, putik buah, bulan, bintang, matahari dan unsur makhluk hidup. Pola bingkai

atau pemidang pula menggunakan unsur-unsur sederhana. Pergerakannya banyak berbelit atau berlingkar dan mempunyai pemidang atau bingkai. Pola lengkap menggabungkan semua unsur dalam satu bentuk ukiran yang lengkap. Pola ini lebih menekankan unsur tumbuh-tumbuhan yang lengkap dengan batang, daun, bunga, sulur buah dan putik. Unsur-unsur pada ukiran kayu ini mengambil unsur makhluk hidup, unsur kosmos, kaligrafi dan tumbuh-tumbuhan.

## 2.9 Pengaruh Reka Bentuk Masjid Tradisional di Malaysia

Tarikh kedatangan Islam ke Malaysia atau Tanah Melayu tidak dapat dikenal pasti secara tepat kerana berlaku percanggahan antara pendapat para penyelidik dengan bukti-bukti kedatangan Islam yang telah ditemui. Menurut Dr Mohd Muhiben Abd. Rahman dalam kajian bertajuk Kedatangan Islam Ke Nusantara dan Pengaruhnya Terhadap Budaya Ilmu (Abd. Rahman, 2018), antara bukti yang telah menunjukkan bukti awal kedatangan Islam ke tanah melayu adalah penemuan batu nisan bertarikh 1298M di Makam Sultan Malik Al-Salih. Kedatangan Islam ke tanah melayu jelas membawa pelbagai pengaruh terhadap Tanah Melayu.

Selain itu, pengkaji akan menerangkan dengan lebih terperinci mengenai keunikan dan keistimewaan setiap reka bentuk dan seni bina yang dimiliki oleh setiap masjid lama. Hal ini kerana, setiap ciri reka bentuk dan seni bina mempunyai maksud dan pengaruhnya yang tersendiri. Pengkaji juga akan mengkaji setiap sudut bangunan masjid lama seperti bumbung, dinding dan bahan binaan yang digunakan untuk


mendapatkan maklumat yang lebih ilitepat mengenai masjid lama. Perkara ini bertujuan untuk mengenal pasti sama ada masjid-masjid lama tersebut merupakan masjid dengan ciri masjid tradisional atau masjid yang bercirikan kepulauan Melayu atau Timur Tengah.

Menurut kajian penulisan yang dijalankan oleh Nangkula Utaberta dan Mohamad Tajuddin Mohamad Rasdi yang bertajuk Deskripsi Tipologi, Klasifikasi dan Analisis Perancangan Masjid di Malaysia (Utaberta et al., n.d.), jenis reka bentuk masjid lama Malaysia sering dikaitkan dengan jenis reka bentuk dari Indonesia kerana persamaan yang wujud di antara reka bentuk atap masjid. Antara masjid lama yang mempunyai pengaruh reka bentuk atap dari Indonesia adalah masjid Kampung Laut dan masjid Kampung Tuan. Kedua-dua atap masjid ini adalah jenis atapberlapis tiga yang sama dengan masjid di Indonesia iaitu Masjid Papan dan Masjid Lenggeng (Utaberta et al.,n.d.)

## **2.10 Susun Atur Masjid Tradisional**

Menurut Mohd Fareez Bin Sabri (2009) susun atur masjid di reka bentuk mengikut fungsi-fungsi tertentu. Ruang solat, mihrab, kiblat solat dan ruang imam dibina di hadapan ruang masjid. Ruang imam di hadapan sekali dibina untuk memimpin maknum untuk mengerjakan solat dan menghala ke kiblat. Mimbar dan ruang khatib berkhutbah akan menghala ke maknum atau membelakangi kiblat. Biasanya mimbar dibina lebih tinggi daripada ruang solat bertujuan khatib yang sedang berkhutbah dapat dilihat oleh semua maknum.

Ruang serambi berbentuk segi empat tepat yang berdinding dan bertingkap. Terdapat bukaan di dinding hadapan yang berperanan untuk menggalakkan pengudaraan dan percahayaan semula jadi. Ruang serambi digunakan sebagai tempat untuk jemaah berehat dan berbincang. Ruang utama berperanan sebagai ruang solat di samping sebagai tempat iliuntuk menjalankan kegiatan keagamaan , bermesyuarat dan kenduri-kendara. Di ruang utama terdapat empat batang tiang utama. Ruang mimbar yang diperbuat daripada kayu yang sebelah kanan mihrab. Loteng terletak di bahagian atas dan dihubungkan dengan sebuah tangga kayu mudah alih. Ia juga mempunyai bukaan yang dipanggil sisip angin, disambungkan secara bertanggam yang diperbuat daripada kayu meranti (Reka Bentuk Masjid Warisan Melayu, DBP20).



Rajah 2.10 : Susun atur Masjid Kg Laut, Tumpat

Sumber: Google Images

## 2.11 Ragam Hias Masjid

Ragam hias atau motif adalah bentuk dasar hiasan yang umumnya diulang-ulang sehingga menjadi pola dalam suatu karya kerajinan atau kesenian. Ragam hias dapat dihasilkan dari proses menggambar, memahat, mencetak dan sebagainya untuk meningkatkan mutu dan nilai pada suatu benda atau karya seni.

Motif dihasilkan pada sesuatu ukiran berlaku hasil dari teknik sobekan yang dilakukan oleh pengukir dalam proses menghasilkan ukiran pada sesuatu ibahan. Sobekan yang dihasilkan akan membentuk pelbagai jenis reka corak mahupun motif mengikut lorekan yang diingini. Kepelbagaian motif yang dihasilkan berfungsi sebagai satu bentuk yang memberi keindahan kepada sesuatu barangan mahupun peralatan yang dihasilkan. Penghasilan motif turut memberi fungsi yang tertentu selain daripada memberi keindahan kepada peralatan yang dihasilkan. Sebagai contoh ukiran tebus tembuk pada kekisi atap rumah mahupun tingkap bertujuan memberi pengaliran udara dan pencahayaan masuk ke dalam kediaman (Hamdzun 2013).

<b>Motif Flora</b>	<b>Motif Fauna</b>	<b>Motif Kosmos</b>	<b>Motif Geometrik</b>	<b>Motif Kaligrafi</b>
-Bunga Cempaka	-Ayam berlaga	-Awan	-potong wajik	
-Bunga Raya	-Badak mudik	semayang		
-Bunga Ketumbit	-Itik pulang	-Awan		
-Bunga Ketam	petang	boyan		
-Bunga Melor	-Kuda laut	-Awan		
-Bunga Kiambang	-Sisik ular	telepok		
	-Kepala icicak	-Awan		
-Bunga Sukun	-Kumbang kipas	larat		
-Bunga Lontar	-Lebah	Awan		
-Bunga Kacang	bergantung	selimpat		
-Bunga Bayam		-Awan jawa		
-Bunga Keladi		-Matahari		
-Bunga Kacang		-Bintang		
-Bunga Matahari		-bulan		
-Bunga Jejari				
Buaya				
-Bunga Cina				
-Bunga Kerak				
Nasi				
-Bunga Tahi				
Ayam				

Rajah 2.8 : Jenis motif ukiran kayu

Sumber : Arkeologi, Sejarah dan Budaya

### Contoh Gambar Motif Flora




Bunga Cempaka



Bunga Raya

### Contoh Gambar Motif Fauna




Contoh Gambar Motif

Ayam Berlaga



Lebah Bergantung



Awam Semayang



Awam Boyan

**Motif Geometri****Tulisan Khat****2.12 Rumusan Bab**

Kesimpulannya, sorotan kajian merupakan bahagian dalam kajian untuk meneliti serta menelaah kajian-kajian iepas. Hal ini bertujuan untuk membantu pengkaji bagi mendapat maklumat tambahan yang berkaitan dengan kajian penyelidikan. Selain berfungsi sebagai maklumat kepada pengkaji, sorotan kajian ini juga penting kerana ia merupakan rujukan yang amat diperlukan bagi menyokong dapatan dan hasil daripada penyelidikan yang dijalankan oleh pengkaji.

Bahagian sorotan kajian ini juga dapat membantu pengkaji untuk mengetahui dengan lebih jelas mengenai skop kajian, metodologi kajian serta maklumat yang digunakan oleh pengkaji-pengkaji dalam menyelesaikan kajian lepas dengan lebih jelas. Hal ini dapat dikatakan demikian kerana, hasil daripada sorotan kajian ini juga dapat dijadikan sebagai penanda aras ilikepada pengkaji untuk menyelesaikan kajian

## BAB 3

### METODOLOGI

#### 3.1 Pengenalan

Metodologi penyelidikan merupakan kaedah dan teknik mereka-bentuk, mengumpul dan menganalisis data supaya dapat menghasilkan bukti yang boleh menyokong sesuatu kajian atau merumuskan apa yang dikaji ilioleh pengkaji. Metodologi menerangkan cara sesuatu masalah yang dikaji dan sebab sesuatu kaedah dan teknik tertentu digunakan. Tujuan metodologi ialah untuk membantu memahami dengan lebih luas dan terperinci lagi tentang pengaplikasian kaedah dengan membuat huraian tentang proses kajian.

Dalam penyelidikan kajian, terdapat satu kaedah yang boleh digunakan iaitu kualitatif. Kaedah kualitatif ialah kaedah yang melibatkan kualiti. Kaedah ini melibatkan data yang berbentuk perkataaan atau pernyataan seperti mendapatkan maklumat dan data melalui temu bual atau rakaman berbentuk video atau gambar. Namun, disebabkan Perintah Kawalan Pergerakkan (PKP) 3.0 bermula kembali di seluruh Malaysia menyebabkan pengkaji menggunakan platform digital sebagai medium untuk melakukan kajian.

Dalam kajian ini, pengkaji akan menggunakan kaedah kualitatif untuk mendapatkan data dan maklumat berkaitan dengan pengaruh ukiran dan seni bina Masjid Lama Parit Istana. Pendekatan kualitatif ialah prosedur penyelidikan yang menghasilkan data gambaran yang boleh diamati (Lexy, ili2007), tradisi tertentu dalam ilmu pengetahuan sosial yang secara

fundamental bergantung kepada pengamatan manusia dalam kawasannya sendiri dan berkait dengan orang-orang tersebut dalam bahasa dan peristilahannya (Kirk & Miller, 1986).

Ruhizan Mohammad Yasin (2010) menyatakan sumber data yang baik diperolehi daripada penyelidikan yang dirancang secara tersusun berdasarkan reka bentuk yang bersesuaian iaitu pendekatan yang digunakan dalam proses mendapatkan data penyelidikan. Kajian yang dibina oleh penyelidik merupakan kajian yang bersifat deskriptif atau merupakan kajian yang dibuat berdasarkan gambaran yang telah sedia ada. Ia juga dikategorikan sebagai kajian yang berbentuk kualitatif. Denzin dan Lincoln (1994) berpendapat bahawa penyelidikan kualitatif melibatkan kepelbagaiannya kaedah secara terfokus, termasuk menggunakan pendekatan naturalistik (semula jadi) untuk menyelidik sesuatu subjek.

Cresswell (1994), pula mentakrifkan bahawa penyelidikan kualitatif sebagai proses inkuiiri ke arah pemahaman yang di dasari kaedah pengumpulan data yang lazim digunakan apabila meninjau sesuatu permasalahan sosial. Kaedah kualitatif ini juga bergantung kepada perolehan data daripada teks dan imej. Terdapat proses yang berbeza berbanding kuantitatif dalam menganalisis data dan melukiskan reka bentuk yang pelbagai. Reka bentuk ini memberi tumpuan kepada pengumpulan data, menganalisis, dan penulisan untuk iliseluruh proses penyelidikan.

### 3.2 Reka bentuk Kajian

Reka bentuk kajian merupakan satu tatacara pengolahan data yang dipungut berdasarkan perancangan khusus dan sistematik terhadap konsep pembentukan rangkaian hubungan antara pemboleh-pemboleh ubah yang terlibat dalam sesuatu kajian (Kerlonger 1970).

Reka bentuk kajian yang digunakan oleh penyelidik ini adalah lebih menjurus kepada cara serta bagaimana untuk mendapatkan jawapan bagi persoalan-persoalan kajian yang telah ditimbulkan oleh pengkaji. Ia juga merupakan metod kepada objektif- objektif kajian yang cuba dicapai oleh penyelidik dan bagi mencapai objektif ini, penyelidik sedaya upaya cuba untuk merangka kaedah serta cara untuk merealisasikan apa yang ingin dicapai dalam kajian ini. Kaedah pengumpulan data yang digunakan pengkaji melibatkan dua sumber utama iaitu sumber primer dan sumber sekunder.


Bagi sumber primer, menurut Syed Ismail (2010), sumber primer ialah penemuan baru, penyelidikan asli, boleh diterbitkan atau tidak boleh diterbitkan, dan merupakan maklumat asal. Selain itu, sumber primer ialah bahan yang belum diolah atau dicetak iaitu sumber atau bahan yang masih dalam keadaan asal seperti dalam bentuk kertas, fosil, manuskrip yang belum dicetak, surat rasmi kerajaan, batu bersurat dan keterangan lisan. Sumber-sumber tersebut bersifat asli dan belum ditafsir. Sumber-sumber tersebut juga biasanya dihasilkan pada masa yang hampir sama dengan maklumat yang dicatatkan danoleh pihak yang berwibawa.

Ciri-ciri yang terdapat di dalam sumber primer, ialah merupakan penemuan baru atau ilmu pengetahuan baru, melaporkan penyelidikan yang asli, memberi ulasan baru atau interpretasi yang berbeza kepada ilmu pengetahuan yang terdahulu. Biasanya sumber primer ini sukar dicapai kerana tidak disusun atau disenarai dengan sempurna atau berada di merata tempat. Sumber-sumber ini ada yang diterbitkan dan ada yang tidak diterbitkan. Contoh sumber primer yang diterbitkan ialah terbitan berkala, terbitan bersiri atau jurnal, laporan penyelidikan, penerbitan kerajaan atau penerbitan rasmi, tesis jika diterbitkan sebagai artikel atau buku, prosiding konferen. Sumber-sumber yang tidak diterbitkan pula termasuklah kertas kerja dari seminar, konvensyen, persidangan, simposium, bengkel, kolokium, perbincangan, kongres dan sebagainya. Fail syarikat, fail peribadi, surat menyurat, diari, memo, buku nota makmal, temuramah, rakaman radio, lukisan, pemerhatian, laporan penyelidikan dan latihan ilmiah juga merupakan sumber primer yang tidak diterbitkan.

Bagi sumber sekunder terdiri daripada bahan atau dokumen yang dikaji melalui ilipembacaan bahan bertulis maklumat yang telah dicatatkan di tempat lain. Sumber ini merangkumi majalah, jurnal, ensiklopedia, akhbar, risalah, laporan tahunan jabatan dan blog. Sumber kedua melibatkan analisis, sintesis, tafsiran atau penilaian maklumat asal dan merupakan bahan yang telah diolah, dicetak dan disebarkan kepada umum.


Ciri-ciri yang terdapat di dalam sumber sekunder, iaitu bukanlah maklumat atau ilmu pengetahuan baru. Sumber sekunder ini menyusun sumber primer dengan lebih sistematik supaya senang diakses. Sumber ini juga lebih merupakan penilaian, komen, ringkasan, atau pemeriksaan ke atas karya atau penyelidikan seseorang mengenai sesuatu perkara dan sebagainya. Walaupun sumbersekunder begitu berguna untuk mengesan sumber lain, perlulah berhati-hati dalam menilai sumber ini sama ada iaanya mempunyai keresahan atau berat sebelah atau condong ke arah tertentu. Contoh sumber-sumber sekunder ialah terbitan berkala, terbitan bersiri atau jurnal yang memberi laporan tentang perkembangan sumber primer. Perkhidmatan indeks dan abstraks, ulasan, buku teks, monograf, bahan-bahan rujukan asas, ensiklopedia, kamus, glossori, istilah, buku panduan, jadual dan formula juga merupakan sumber sekunder. Dalam kajian ini, pengkaji telah menggunakan beberapa kaedah kajian bagi memenuhi objektif seperti yang telah dinyatakan pada Rajah 3.1 berikut

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN



Rajah 3.2.1 :Carta Alir Metodologi Kajian.

Carta aliran kaedah kajian (Rajah 3.2.1 ) proses yang terpenting dalam melancarkan dan memudahkan kerja pengkaji melalui Kajian sebagai sumber panduan dan rujukan keseluruhan kerja kepada pengkaji dalam menyiapkan penyelidikan ini. Kajian tindakan dilakukan secara sistematik dan mengambil kira pelbagai teknik kajian dan penyelidikan (Ferrance, E; 2000). Secara amnya, kaedah kajian ( Rajah 3.2.2) dibawah menjelaskan proses kajian tindakan yang akan pengkaji menggunakan secara keluruan kaedah agar sumber maklumat yang diperolehi dan lebih tersusun



Rajah 3.2.2 : Proses Kajian Tindakan (Ferrance, E; 2000)

### 3.2.1 Kajian Lapangan

Kerja lapangan adalah pengumpulan data mentah di luar makmal, perpustakaan, atau tempat kerja tetap. Pendekatan dan kaedah yang digunakan dalam penyelidikan lapangan berbeza mengikut disiplin ilmu. Penyelidikan lapangan melibatkan kaedah yang jelas, walaupun berubah-ubah, kaedah, pertemuan ramah tidak langsung, pemerhatian langsung, penyertaan dalam kehidupan berkumpulan, perbualan bersama, analisis dokumen peribadi yang dihasilkan dalam kumpulan, analisis diri, hasil aktiviti yang dilakukan di luar atau dalam talian dan kehidupan sejarah. Walaupun kaedah ini umumnya dicirikan sebagai penyelidikan kualitatif, kaedah ini mungkin merangkumi dimensi kuantitatif. Lawatan secara langsung atau dikenali sebagai pemerhatian ikut serta ke tapak lapangan adalah kaedah yang amat penting. Pemerhatian adalah salah satu proses kegiatan pemetaan yang berperanan dalam memahami ilmu sains kebumian ataupun lingkungani ( Cottingham, 2002). Pengkaji akan memfokuskan kepada pengaruh motifukiran dan senibina Masjid Lama Parit Istana, Kuala Pilah, Negeri Sembilan.

Pengkaji akan mengunjungi kawasan Masjid Lama Parit Istana tersebut di Kuala Pilah, Negeri Sembilan bagi melihat sendiri pengaruh motif ukiran dan seni bina masjid tradisional tersebut. Justeru itu, kaedah yang digunakan iliakan direkodkan dan mencatat data- data melalui ilirakaman, beberapa kepingan gambar dan catatan untuk dimasukkan ke dalam maklumat dan data yang diperlukan dalam penulisan penyelidikan kajian

### *3.2.2 Temubual*

Temu bual didefinisi sebagai perbualan dua hala yang bertujuan untuk mengumpul maklumat kajian. Temu bual merupakan interaksi bersemuka antara penemu bual dan penyelidik dengan responden. Menurut Denzin( 2001), temu bual harus digunakan lebih daripada hanya sebagai alat pengumpulan maklumat temu bual perlu bersifat reflektif dan dapat mencerminkan kehidupan dan keadaan sebenar mengenai sesuatu fenomena.

Kaedah temubual ini digunakan bagi mendapatkan maklumat tentang pengaruh motif ukiran dan reka bentuk oleh responden. Teknik pertanyaan soalan yang berkesan dapat membantu pengkaji untuk menjana pengetahuan baru sekaligus meningkatkan gaya percakapan dengan lebih literatur dan lancar serta bukan hanya dengan mengingati semula apa yang telah pengkaji pelajari (Van Es, 2006).

### *3.2.3 Catatan*

Catatan adalah rekod catatan harian tentang perkara yang berlaku atau yang akan dilakukan, lazimnya di dalam buku dan disusun mengikut tarikh. Catatan mengandungi pengalaman atau pemerhatian peribadi seseorang atau maklumat semasa dalam penyelidikan. Setiap maklumat yang diperolehi secara lisan dan langsung hasil dari temu bual dan pemerhatian yang dilakukan oleh pengkaji akan dicatatkan keseluruhannya di dalam buku nota atau diari yang berkulit keras. Melalui kaedah ini, pengkaji dapat melakukan pendokumentasian dan menganalisis data dengan mudah dan tersusun tanpa perlu mencari maklumat di berlainan

tempat. Penulisan catatan oleh pengkaji juga memberi maklumat secara tidak langsung memudahkan pengkaji dengan sedikit lukisan rajah bagi meringkaskan dengan lebih padat mengenai memudahkan mengenalpasti keistimewaan dan punca yang mempengaruhi Pengaruh Motif Ukiran dan Seni Bina di masjid lama Parit Istana Kuala Pilah, Negeri Sembilan tersebut.

### 3.2.4 Rakaman Foto

Pengkaji akan mengambil beberapa kepingan foto-foto yang berkaitan semasa kajian dijalankan di kajian lapangan masjid lama Parit Istana, Kuala Pilah, Negeri Sembilan. Dengan adanya foto yang diambil, ianya dapat menjadi sebagai satu bukti yang kuat terhadap kajian untuk diletakkan di dalam laporan agar menjadi gambar yang bermaklumat untuk mendapat penjelasan lebih terperinci kepada pembaca. Kaedah ini juga bertujuan untuk merekodkan kesemua data-data sebagai langkah berjaga-jaga sekiranya terdapat masalah seperti kehilangan maklumat yang bertulis.

Dalam melakukan rakaman foto ini, pengkaji telah menggunakan dua peranti iaitu *Camera Led* dan telefon pintar milik pengkaji sendiri. Menurut Ian Bradshaw ( 1986 ) bahawa sebagai imej visual, gambar amat penting dalam dunia kewartawanan foto kerana kemampuannya mengabadikan detik peristiwa dalam bentuk gambar foto, dokumentasi, ulasan dan interpretasi kepada gaya dan tingkah laku manusia hasil gabungan antara media komunikasi perkataan dan media komunikasi visual.

### 3.2.5 Sumber Perpustakaan

Sebelum penulis melakukan kajian lapangan, penulis akan melakukan kajian perpustakaan terlebih dahulu dengan bertujuan untuk mencari maklumat dan data mengenai pengaruh motif ukiran dan seni bina yang terdapat di masjid tradisional di Malaysia. Dalam hal ini, penulis akan mengkaji dan menganalisis buku-buku, jurnal, artikel dan pelbagai jenis sumber *literature* ainnya yang berkaitan dengan kajian penyelidikan ini. Dalam mendapatkan data kajian perpustakaan, penulis menggunakan khidmat beberapa perpustakaan yang ada di Malaysia, seperti Kamus Dewan Bahasa dan Perpustakaan serta beberapa perpustakaan lainnya bagi menyokong kajian penulisan kajian pengkaji. Pelbagai rujukan akan digunakan seperti majalah, buku-buku serta surat khabar yang berkaitan dan buku teori serta pendekatan kajian sebagai rujukan atau panduan terhadap kajian yan digunakan.

Rujukan juga bukan sahaja daripada tulisan-tulisan malah gambar-gambar dan sebagainya akan diambil untuk memastikan kajian ini dapat dijalankan dengan baik. Perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan merupakan perpustakaan utama bagi pengkaji dalam membuat rujukan dan mendapatkan bahan rujukan melalui pelbagai sumber dan maklumat yang berkaitan dengan tajuk kajian. Maklumat-maklumat daripada internet juga diperolehi melalui laman web yang tertentu dengan tujuan untuk memastikan maklumat-maklumat yang diperolehi berpaksikan pelbagai sumber dan ianya dapat dikumpulkan untuk didokumentasikan. Konsep-konsep, teori dan data-data yang bersesuaian akan diselidik menerusi

buku-buku, ensiklopedia, majalah, surat khabar, dan jurnal yang berkaitan dengan penyelidikan.

### 3.3 Instrumen Kajian

Instrumen kajian merupakan satu alat yang digunakan oleh penyelidik ketika menjalankan sesuatu penyelidikan. Instrumen kajian digunakan sebagai asas bagi memperoleh data seperti mana yang dikhendaki oleh penyelidik untuk mencapai objektif kajian. Tujuan penggunaan instrumen semasa menjalankan kajian ini adalah untuk memudahkan urusan pengkaji bagi mendapatkan data bagi memastikan objektif kajian yang sepatutnya tercapai dan berjalan dengan baik.

Pengkaji menggunakan kaedah kualitatif melalui temubual secara langsung dan kaedah pemerhatian di masjid tradisional tersebut. Melalui kaedah temubual, beberapa pihak atau masyarakat yang mahir dalam kajian yang dijalankan adalah penting dalam agar maklumat yang diperolehi adalah sahih dan tiada kesalahfahaman berkait maklumat yang diperolehi. Instrumen kajian yang akan digunakan semasa kajian ini dijalankan adalah berbentuk soalan yang lazim yang akan disediakan oleh pengkaji, mencatat setiap maklumat dan data diperolehi, membuat rakaman serta mengambil beberapa kepingan foto sebagai bukti kepada pengkaji dan menjadi sebagai rujukan kepada pengkaji dalam kajian ini.

Kaedah pemerhatian juga dilakukan dengan menurun pandang ke tempat kajian dengan secara langsung dan membuat pemerhatian terhadap pengaruh motif ukiran dan seni bina terhadap masjid tersebut. Pemerhatian terhadap sampel kajian ini akan menjadi lebih

terperinci, jelas dan lebih tepat malah ianya menjadi maklumat yang boleh dijadikan bahan rujukan (Norhayati, 2011). Pengkaji menggunakan instrumen alat teknologi moden seperti *camera LED* dan telefon pintar untuk merakam foto dan video. Pemerhatian yang dijalankan haruslah secara sistematik dan kosisten supaya masa yang diluangkan dapat dimanfaatkan dengan sebaik mungkin. Kemudian, maklumat dan data yang diperolehi akan dicatat melalui instrumen berbentuk tulisan di buku catatan.

### **3.4 Prosedur Pungutan Data**

Pengkaji akan mendapat surat kebenaran daripada pihak fakulti untuk menjalankan kajian sebelum kajian lapangan dimulakan bagi memperolehi dan mengumpul data. Seterusnya, pengkaji mendapat rujukan buku dan kajian lepas daripada perpustakaan dan penyelidik sebelumnya. Sebelum pengkaji mengunjungi tempat kajian akan terlebih dahulu membuat temujanji agar memudahkan proses mendapatkan maklumat dan data dan tiada sebarang gangguan serta tiada berlakunya pertindihan untuk imenemu bual bersama masyarakat komuniti di sekitar masjid tersebut dan kaki Muzium Negeri Sembilan.

### **3.5 Kaedah Analisis Data**

Usaha yang dilakukan dengan berkerja dengan data, menganjurkannya, memecahkan kepada unit-unit yang terkawal, mensintesiskannya, mencari apa yang penting dan apa yang perlu dipelajari, dan memutuskan apa yang akan memberitahu kepada orang lain (Bogdan & iBiklen, 1982). Dengan kata lain, analisis data dijalankan

semasa data pertama diperolehi. Proses analisis data dijalankan berterusan sepanjang masa kajian ini dilaksanakan. Merriam (1998) menerangkan seterusnya bahawa mengurus dan menapis data sebaik sahaja selepas pengumpulan data juga amat penting. Ini akan membantu pengkaji menyediakan soalan untuk ditanya atau pemerhatian seterusnya. Kaedah analisis ini digunakan setelah semua data dan maklumat telah dapat dikumpulkan. Pentafsiran dan analisis ini digunakan untuk menyusun semula data yang dikumpulkan supaya maklumat itu teratur dan sistematik.

Data-data yang telah dikumpulkan akan diteliti dan disusun terlebih dahulu sebelum dianalisis. Data-data kualitatif dan kuantitatif akan dibentuk berdasarkan maklumat yang dikumpul selepas analisis, contohnya data kuantitatif yang disusun dalam bentuk graf, jadual dan gambar rajah untuk memudahkan proses pentafsiran dan analisis maklumat yang diperolehi. Data sekunder dalam kajian ini setelah terkumpul sebagaimana diperlukan akan dianalisis menggunakan kaedah analisis kandungan dengan membahagikan data-data tersebut kepada tema-tema tertentu mengikut kesesuaian tajuk kajian. Data yang telah dikumpulkan daripada kajian temu bual dan pemerhatian akan ditemu ramah secara informabluntuk setiap jawapan yang diberikan oleh responden. Setelah itu, jawapan yang telah diberikan akan dihuraikan menjadi ayat yang mudah difahami untuk dipaparkan dalam hasil atau dapatan kajian.

<b>Objektif Kajian</b>	<b>Kaedah</b>	<b>Instrumen kajian</b>
Objektif 1	1. Sorotan Kajian 2. Lapang Kajian	1. Telefon Pintar 2. Camera LED
Objektif 2	1. Sorotan Kajian 2. Lapangan Kajian	1. Telefon Pinta 2. Camera LED
Objektif 3	1. Sorotan Kajian 2. Lapangan Kajian	1. Telefon Pintar 2. Camera LED

Jadual 3.3 : Kaedah Analisis Dapatan

### 3.6 Jangkaan Dapatan Kajian

Hasil kajian pengkaji dijangkakan akan dapat membantu dalam mengetahui pengaruh motif ukiran dan seni bina masjid lama Parit Istana, Kuala Pilah , Negeri Sembilan. Hal ini, dapat membantu mengetahui jenis-jenis motif ukiran dan seni bina yang terdapat masjid tradisional tersebut.

Justeru itu, kajian secara mendalam terhadap pengaruh motif ukiran dan senibina terhadap masjid tradisional tersebut perlu dikaji agar masyarakat mengetahui nilai ukiran dan seni bina tersebut adalah amat bermakna sekali. Jangkaan hasil kajian Ini juga dapat memberi gambaran yang lebih jenis-jenis motif ukiran dan seni bina yang digunakan semasa pembinaan masjid tradisional ilitersebut.

UNIVERSITI  
—  
MALAYSIA  
—  
KELANTAN

### 3.7 Rumusan Bab

Kesimpulanya, penggunaan beberapa kaedah metodologi yang digunakan oleh pengkaji dalam melaksanakan kajian dapat membuat penulisan penyelidikan secara tersusun dan lebih teratur. Hal ini demikian dapat membantu pengkaji dalam mendapatkan kepelbagaiannya sumber maklumat dan data yang berilmiah dan bermanfaat dalam menyelesaikan satu persoalan dalam kajian penyelidikan yang dibuat oleh pengkaji . Menurut Koentjaraningrat (1991) bahawa ketiadaan maklumat dan data daripada hasil metodologi ini akan menjadikan satu laporan yang dilaksanakan oleh pengkaji tidak akan sempurna dan teratur mengakibatkan ketiadaan kesahihan dan pengukuhan dalam kajian yang dilaksanakan ini.

Metodologi kajian merupakan sesuatu perkara amat berguna dan penting dalam melaksanakan apa jua penyelidikan yang dilaksanakan. Hasil kajian yang diperolehi juga saling bergantung kepada metodologi kajian yang akan digunakan dalam penulisan penyelidikan agar lebih sistematik dan tersusun. Maka, pada bahagian ini akan mengulaskan mengenai metodologi yang digunakan termasuklah kaedah pengumpulan data, kaedah analisis yang digunakan dalam menjadikan sebagai satu penyelidikan yang lengkap. Hal ini dilaksanakan bagi membentuk metodologi yang lebih sistemik dan tersusun sehingga mampu menghasilkan satu kajian yang berkualiti ( Koentjaraningrat, 1991 ).

## BAB 4

### DAPATAN KAJIAN

#### 4.1 PENGENALAN

Dalam bab ini, pengkaji akan menerangkan hasil dapatan yang telah dikaji. Berdasarkan kaedah kajian yang telah dinyatakan sebelum ini dalam bab 3. Analisis dapatan kajian merupakan bahagian yang terpenting dalam sesuatu kajian. Ini kerana segala persoalan akan terjawab dengan sendirinya melalui hasil daptan data yang dikemukakan oleh pengkaji. Analisis dapatan data yang terbaik adalah yang mempunyai hubungkait diantara objektif serta menjawap segala persoalan dalam kajian tersebut.

Pengkaji menggunakan kaedah data secara kualitatif di dalam kajian “ Pengaruh motif ukiran dan seni bina di masjid lama Parit Istana”. Oleh itu, kaedah yang telah di gunakan oleh pengkaji adalah seperti membuat temubual dengan orang yang berpengalaman tentang masjid lama Parit Istana, Kuala Pilah. Selain itu, kajian daripada perpustakaan iaitu melalui pembacaan buku, jurnal, contoh tesis yang mempunyai kaitan dengan kajian pengkaji. Disamping itu, pengkaji juga turun ke lapangan kajian untuk membuat pemerhatian melalui seni bina masjid lama Parit Istana, Kuala Pilah.

Pengkaji telah melakukan kajian di Kampung parit yang berada di Kuala Pilah, Seri Menanti, Negeri Sembilan iaitu dengan menemubual beberapa responden di sekitar lokasi kampung berkenaan dan juga individu yang mempunyai kepakaran dalam aspek senibina dan ukiran

masjid lama di Negeri Sembilan. Temubual ini sememangnya sangat membantu pengkaji dalam mendapatkan maklumat yang diinginkan secara lancar dan efisien. Hasil daripada tembual dan perbincangan dengan beberapa pihak yang terlibat dalam projek penyelidikan ini, jelas didapati bahawa masjid lama Parit Istana ini mempunyai sejarah keunikan dan khazanah warisan seni binanya yang masih terlihat pada beberapa bahagian strukturnya yang masih utuh dapat menjadikannya sebagai aset warisan yang layak untuk dimartabat yang membolehkannya menjadi produk perlancongan yang ada di Negeri Sembilan umumnya dan di Malaysia khasnya.

## 4.2 Analisis Demografi

Tajuk kajian pengkaji ialah pengaruh seni bina masjid lama Parit istana, Kuala Pilah. Terdapat beberapa perkara yang perlu di teliti dan dikaji selaras dengan persoalan serta objektif yang hendak dikaji. Kaedah penyelidikan yang telah dijalankan ini, pengkaji telah mendapat beberapa maklumat berkaitan dengan objektif yang hendak dicapai. Antaranya

### 4.2.1 Sejarah awal masjid dan keadaan semasa masjid lama Parit Istana

Menurut Azizul Azli Ahmad bangunan Masjid Lama Kampung Pantai Istana ini salah satu bangunan yang paling awal didirikan di Terachi. Masjid ini dipercayai berusia lebih kurang 200 tahun. Dipercayai masjid ini merupakan seni bina terawal ketika kampung ini mula dibuka dahulu. Bangunan masjid ini adalah tinggalan warisan masyarakat yang tinggal

di Mukim Terachi ini . Pembinaan masjid Parit Istana ini adalah berdasarkan konsep gotong- royong masyarakat pada waktu itu. Penduduk masyarakat disini terbahagi kepada empat suku utama iaitu, suku Biduanda yang merupakan suku kaum utama, suku kaum Seri Lemak, suku kaum Tiga Nenek, dan juga suku kaum Aceh.

Masjid lama Parit Istana ini merupakan bangunan warisan yang ditinggalkan yang penuh dengan keunikan baik dan segi seni binanya mahupun dari segi sejarahnya tersendiri. Kampung Parit Istana ini dahulunya dikenali sebagai Kampung Ulu Parit. Nama Kampung Parit Istana ini diberikan oleh DYMM Tuanku Jaafar ketika merasmikan Masjid Baru Pantai Istana iaitu pada tahun 1967. Ianya juga disebabkan oleh pembinaan serta penyambungan jalan raya diantara Kampung Parit Istana ini dengan Kampung Seri Menanti yang berdekatan.

Masjid lama Parit Istana memiliki sejarahnya yang tersendiri. Menurut sumber lisan yang dijalankan oleh pengkaji , masjid ini yang berusia lebih 200 tahun ini dibina oleh empat suku kaum yang terdapat di kampung ini. Empat suku kaum tersebut ialah suku Kaum Seri Lemak, suku Kaum Biduanda, suku Kaum Aceh dan suku Kaum Tiga Nenek. Suku kaum ini dikatakan suku kaum yang terawal menduduki kampung tersebut ketika ianya mula dibuka. Suku-suku ini dipercayai berasal dari tanah seberang Indonesia. Mereka dipercayai dibawa masuk ke Tanah Melayu oleh Raja yang memerintah Negeri Sembilan pada waktu itu yang berasal dari Minangkabau, Indonesia. Mengikut kajian lisan yang dijalankan, bangunan ini merupakan hasil gotong royong empat suku kaum utama ini .

Walaupun pembinaan masjid ini dilakukan secara bergotong-royong tetapi diketuai orang melayu semasa proses pembinaan masjid ini. Pada zaman tersebut, terdapat banyak tukang kayu dan tukang ukir yang hebat seperti tukang kahak, tukang Taib yang menjalankan kerja-kerja bertukang di sekitar Kuala Pilah. Namun terdapat juga tukang-tukang kayu dan ukir yang lain seperti tukang gundak, tukang kijang, dan tukang gundah. Mereka semua adalah seangkatan dalam kerja-kerja pertukangan semasa zaman tersebut terutamanya di Kuala Pilah. Sama juga seperti hari ini, orang kampung mesti diketuai orang bijak pandai. Sesuai dengan falsafah orang Negeri yang berpegang teguh dengan adat yang mementingkan musyawarah dan muafakat dalam masyarakat iaitu :

“ Ke bukit sama di daki,

Ke lurah sama dituruni,

Ke laut sama direnangi.”

Masjid lama Parit Istana juga berfungsi sebagai tempat untuk penduduk-penduduk kampung berkumpul. Penduduk kampung akan bergotong-royong sekiranya majis-majlis keagaman seperti sambutan Maulidur Rasul, Maal-Hijrah, Nuzul Quran, kenduri dan sebagainya diadakan di kampung ini.

Pada tahun 1978 masjid ini tidak lagi digunakan apabila sebuah masjid baru dibina bersebelahan dengannya. Masjid ini terletak di atas tanah wakaf masjid. Masjid lama Parit Istana dijadikan stok simpanan

barang dan tidak diuruskan dengan baik walaupun mempunyai nilai seni bina yang istimewa.




## KELANTAN



Rajah 4.2.1 : Gambar terkini masjid Lama Parit Istana

Sumber : Rakaman foto oleh pengkaji di lapangan (28 ogos 2021)

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN



Rajah 4.2. 2 : Surat perisytiharan tapak masjid yang diwartakan pada tahun 1913

Sumber : Md Ali Bin Mit

(Ketua Majlis Pengurusan Komuniti Kampung Parit Istana )

### 4.3 Analisis Demografi Responden

Responden ialah orang yang memberikan maklumat atau orang yang menjawab soalan-soalan yang dikemukakan dan sebagainya dalam sesuatu kaji selidik. Responden juga merupakan pihak-pihak yang dianggap dan dijadikan sebagai sampel dalam sesuatu penelitian kajian. Mereka berperanan dalam memberikan maklumat atau menjawab soalan-soalan yang dikemukakan oleh pengkaji. Rajah 4.2.3 dibawah menunjukkan pecahan nama, umur, tempat dan tarikh temubual di antara pengkaji dengan responden.

Bil	Nama Responden	Umur	Tarikh
1	Mohamad Nazim Bin Abd Gaman (Penolong Kurator tapak Lembaga Muzium Negeri Sembilan)	33	29/9/2021
2	Tok Wahid Bin Abbas (Tukang ukir tradisional dan penduduk kampung Parit istana, Seri Menanti, Kuala Pilah)	76	29/9/2021
3	Md Ali Bin Mit (Ketua Majlis Pengurusan Komuniti Kampung Parit Istana )	65	29/9/2021
4	Haji Md Razali (Bekas ketua Pengurusan Komuniti Kampung Parit )	70	29/9/2021

BIL	NAMA RESPONDEN	UMUR	TARIKH
5	Datuk Awaludin (Dato' Diraja suku Biduada luak Terachi)	73	30/9/2021
6	Profesor Madya Dato Paduka Dr Mohd Rosli Bin Saludin (Felo penyedidik kanan Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA) UKM ,Bangi Selangor)	53	4/11/2021
7	Haji Mat Zahir (Penduduk kampung Parit Istana)	73	29/9/2021

Rajah 4.2.3 : Senarai nama Responden yang ditemubual pengkaji

#### 4.4 Ciri- ciri seni bina masjid lama Parit Istana

Proses pembinaan masjid ini adalah dengan menggunakan alatan pertukangan lama seperti belung, kapak, dan ketam. Keseluruhan bahan binaan masjid ini adalah daripada kayu penak yang diambil daripada hutan berhampiran.

Masjid lama Parit Istana merupakan masjid tradisional atau masjid dipengaruhi seni bina dari serantau.Terdapat ciri-ciri masjid ini selaras dengan ciri-ciri masjid tradisional di Malaysia. Antaranya bumbung masjid


merupakan bumbung piramid, namun bumbung masjid tidak berlapis seperti masjid tradisional yang lain. Masjid lama Parit Istana mempunyai susun atur ruang yang sederhana. Lengkap dengan ruang mihrab, mimbar, dan ruang solat yang dapat menampung dalam 40 jemaah dalam sesuatu masa.

Ragam hias ini tidak terlalu padat pada semua struktur. Keunikkan masjid ini adalah terdapat 4 tiang utama masjid mempunyai ragam hiasan yang berbeza dari suku yang berbeza.



Rajah 4.4.1 : Pandangan hadapan masjid lama Parit Istana, Kuala Pilah

Sumber : Google Images




Rajah 4.4.2 : Keratan pandangan hadapan masjid lama Parit Istana,

Kuala Pilah

Sumber : Google Images

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN




Rajah 4.4.3 : Keratan sisi masjid lama Parit Istana, Kuala Pilah

Sumber : Google Images

#### a) **Susun Atur Ruang**

Susun atur masjid lama Parit Istana di reka bentuk mengikut fungsi-fungsi tertentu sebagai mana masjid tradisional yang lain. Ruang imam dibina pada bahagian hadapan sekali untuk memimpin makmum untuk mengerjakan solat dan dibina menghala kiblat. Kedudukan mimbar terletak dihadapan sebelah kanan masjid (Lihat rajah 4. 4.4 susun atur ruang masjid lama Parit Istana). Mimbar ini dibina lebih tinggi daripada ruang solat bertujuan semua makmum dapat melihat semasa imam berkhutbah. Mimbar dan ruang khatib menghala ke makmum atau membelakangi kiblat.



Rajah 4.4.4 : Susun atur ruang masjid lama Parit Istana, Kuala Pilah

Sumber : Google Images

**b) Kerangka Binaan**

Bangunan masjid ini menggunakan 16 batang tiang bagi menyokong lantai ruang solat utamanya dan empat (4) batang tiang utama hadir pada ruang solat. 16 tiang ini juga merupakan rumah buatan Suku Kaum Acheh. Tinggi lantai ini dari permukaan tanah hingga lantai masjid adalah 1.1 meter . Empat tiang ini merupakan struktur utama yang menyokong sistem atap masjid tersebut dengan ukuran 25 cm x 25 cm diameter. Pada bahagian tiang inilah terdapat ukiran setiap empat suku kaum yang membangunkan masjid ini. (Lihat rajah 4.4.5 )



Rajah 4. 4.5 : Lakaran 16 tiang masjid lama Parit Istana, Kuala Pilah .

(lakaran tiang masjid lama Parit Istana)

Sumber : Google Images


### c) **Reka Bentuk Bumbung**

#### i) **Kemasan Bumbung**

Bumbung masjid lama Parit Istana merupakan bumbung jenis piramid berdasarkan kajian yang dilakukan oleh pengkaji. Bumbung atap masjid lama Parit Istana pada mulanya menggunakan pokok nipah sebagai bumbung masjid. Pokok nipah mudah didapati di kawasan masjid tersebut mendorong orang kampung menggunakan pokok tersebut. Masjid lama Parit Istana ini menggunakan struktur bumbung dua lapis sebagai bumbung bangunan masjid ini. Lapisan kedua bumbung masjid lama Parit Istana disambungkan dengan menggunakan 4 batang tiang yang dikenali sebagai Tiang Gantung. Namun, bumbung masjid lama Parit Istana telah menggunakan kepingan zink sebagai bumbung kerana lebih tahan lama berbanding menggunakan pokok nipah sebagai bumbung. (Lihat rajah 4.4.6 struktur bumbung piramid masjid lama Parit Istana, Kuala Pilah)

Faktor geografi telah menentukan bahawa reka bentuk masjid di kawasan tropika mesti dilengkapi dengan bumbung sebagai perlindungan bangunan. Oleh itu, masjid perlu mempunyai bumbung di atas kawasannya. Berbanding dengan masjid-masjid di Tanah Arab, masjid-masjid di Alam Melayu mempunyai ciri-ciri tertentu dalam reka bentuk bumbungnya. Bumbung piramid dua atau tiga tingkat adalah perkara biasa. Selain daripada melindungi masjid daripada hujan dan panas. Struktur bumbung masjid disokong oleh struktur tiang utama kayu. Daripada keseluruhan ini sistem sokongan, terdapat satu struktur utama yang menyokong kawasan tengah masjid yang dikenali sebagai soko guru

kepada orang Jawa (Lihat Rajah 4.4.7 : Struktur Bumbung masjid lama Parit Istana).



Rajah 4.4.6 : Struktur Bumbung masjid lama Parit Istana, Seri Menanti, Kuala Pilah

Sumber : Google Images



Rajah 4.4.7 : Struktur bumbung piramid masjid lama Parit Istana, Seri Menanti, Kuala Pilah

Sumber : Rakaman foto oleh pengkaji di lapangan (28 ogos 2021)

### *ii) Kerangka Bumbung*

Struktur bumbung dalam terdapat alang, kekuda tunjuk langit, alang lintang dan lebah bergantung (Lihat rajah 4.4.8 strukutur bumbung ) pada masjid lama Parit Istana. Walaupun struktur telah rosak tetapi masih dapat dilihat keadaan pada kedudukan asal pada bumbung dalaman. Menariknya masjid yang kecil ini memiliki lima lebah bergantung pada hujung setiap sisi . Pada bahagian tengah bumbung terdapat lebah bergantung utama yang lebih panjang dan lebih besar berbanding yang lain. Malah lebah bergantung ini diukir dengan lebih baik berbanding empat yang lain.

Lebah bergantung diukir dengan tebuk timbul . Pada bahagian hujungnya masih tersisa penyangkut dipercayai bagi tujuan meletakkan lampu untuk pencahayaan ruang. Selang antara bumbung lapisan pertama dan kedua masjid ini membenarkan cahaya masuk kedalam ruang dalaman. Selain itu, antara selang ini juga berfungsi sebagai laluan udara untuk masuk dan keluar kedalam masjid. Struktur yang ada kini dipercayai merupakan struktur asal masjid.




Rajah 4.4.8 : Strukutur bumbung dalam dan kedudukan lebah bergantung

Sumber : Rakaman foto oleh pengkaji di lapangan (28 ogos 2021)

#### d) *Ruang solat*

Ruang solat masjid lama Parit Istana ini dibahagikan kepada dua bahagian ruang iaitu ruang jemaah dan juga ruang imam yang dikenali sebagai mihrab. Ruang jemaah masjid ini berukuran 6.92 meter panjang dan 6.92 meter lebar. Ruang ini agak kecil jika bandingkan dengan ruang yang terdapat pada masjid lainnya. Ini kerana masjid ini merupakan bangunan masjid yang pertama didirikan di kampung ini iaitu semasa kampung ini mula diterokai. Pada waktu tersebut, bilangan penduduk yang sedikit maka tidak hairankan ru masjid ini agak kecil. Ruang ini hanya boleh muatkan lebih kurang 40 orang jemaah sahaja

Struktur masjid lama Parit Istana, Kuala Pilah ini mempunyai keunikannya yang tersendiri. Menurut Haji Zain Haji Awang dan penelitian lapangan mendapati bahawa, struktur bangunan masjid dibina tanpa menggunakan paku. Penyambung diantara struktur bangunan masjid ini bermula daripada struktur lantai sehingga kepada penyambungan struktur bumbung, kesemuanya tidak menggunakan paku. Ianya hanya menggunakan tanggam dan juga pasak. Sistem tanggam dan pasak ini memang digunakan dalam pembinaan rumah pada waktu tersebut. Terdapat pelbagai jenis tanggam yang digunakan untuk menyambungkan struktur bangunan masjid ini antaranya ialah tanggam temu dan tanggam tembus. (Lihat rajah 4.4.9 tanggam temu dan tanggam tembus)




Rajah 4.4.9 : tanggam temu dan tanggam tembus

Sumber : *Google Images*

### i) **Mihrab dan Mimbar**

Menurut Azizul Azli Ahmad pada sebelah kanan dewan sembahyang ini terdapat sebuah mimbar. Mimbar ini berfungsi sebagai tempat dimana imam akan membacakan khutbah. Mimbar ini telah mengalami kerosakkan kerana tidak dijaga dengan baik. Masjid lama Parit Istana mempunyai bentuk mihrab yang ditinggikan menyerupai bentuk bumbung Rumah Minang. Ruang imam atau mihrab pada masjid ini berukuran 1.9 meter lebar dan 2.45 meter panjang. Mimbar masjid lama Parit Istana telah rosak dan hanya tinggal struktur sahaja. Ukuran fizikal mimbar masjid ini adalah 0.85 meter x 1.23 meter. Mimbar ini hanya mempunyai 3 anak tangga dan dipercayai mimbar ini bukanlah mimbar asal masjid tersebut. Pada bahagian kiri mimbar masjid lama Parit Istana tercatat tulisan tahun 1359 Hijrah dalam tulisan jawi dan dibahagian kanan mimbar tercatat tulisan tahun 1940 Masihi yang ditebuk dengan paku.

Ruang imam atau mihrab terletak di bahagian hadapan dinding kiblat dimana arasnya ditinggikan sedikit daripada ruang jemaah. Berdasarkan temu bual yang dijalankan, didapati bahawa pada permulaan pembinaan ruang mihrab dan mimbar belum didirikan lagi. Ruang Imam dan mimbar hanya didirikan tidak lama selepas itu. Ini adalah kerana pada permulaan pembinaan masjid ini bilangan penduduk kampung tidaklah begitu ramai. Oleh yang demikian, ruang mihrab belum diperlukan lagi. Setelah bilangan penduduk bertambah, barulah mihrab ini didirikan.(Lihat rajah 4.4.10 lakaran kedudukan mihrab dan mimbar masjid lama Parit Istana)




Rajah 4.4.10 : Lakaran kedudukan mihrab dan mimbar masjid lama Parit Istana,Kuala Pilah

Sumber : *Google Images*

### e) Dinding

Menurut Azizul Azli Ahmad Dinding masjid lama Parit Istana menggunakan papan yang hanya ditarah dengan alat yang dipanggil pepatil ataupun ditarah dengan kapak. Dinding papan pada masjid ini disusun secara menegak dan dibuat lidah pada papan masjid lama Parit Istana, Kuala Pilah. Terdapat lidah jantan dan lidah betina pada setiap sisi papan menegak ini bertujuan menyambungnya. Bahagian dinding yang dicantum ini kelihatan kemas dan tiada ruang yang terbuka. Ukuran bagi setiap kepingan papan ini adalah 20cm lebar. Susunan papan dinding yang dipasang menegak ini dipasang atas jenang lantai dan jenang tengah. Pada kayu jenang tengah atau pun pada penjuru tiang tempat memekap dinding terdapat kayu tegak yang dipanggil kayu kambi pada papan dinding. Susunan papan dinding ini disusuh secara konsisten kepada semua bahagian masjid.

Bukaan pada dinding masjid lama Parit Istana ini dibuat sehingga kelantai ke ruang solat. Hanya bukaan pada ruang mihrab dibuat kecil dibahagian kiri dan kanan mihrab. Pada setiap bukaan besar ini terdapat pagar musang . Jumlah keseluruhan bukaan yang berukuran  $0.93 \times 0.5$  meter ini adalah berjumlah sepuluh (10) buah tingkap (Lihat rajah 4.4.11 lakaran tingkap di masjid lama Parit Istana). Hanya tiga (3) bukaan mihrab berukuran  $0.42 \times 0.42$  meter. Setiap bukaan ini memiliki satu daun tingkap sahaja. Bukaan pada pintu masuk utama masjid lama Parit Istana, Kuala Pilah  $1.42 \times 0.93$  meter. Ukuran ini dianggap kecil dan menyamai ukuran rumah Melayu tradisional. Terdapat dua daun pintu berukuran 0.45 meter pada setiap satunya.



Rajah 4.4.11 : Lakaran tingkap di masjid lama Parit Istana, Kuala Pilah

Sumber : Google Images

### f) Tangga

Tangga masjid lama Parit Istana telah diperbuat daripada batu konkrit simen dan masih dalam keadaan baik.Tangga masjid lama Parit Istana, Kuala pilah ini mempunyai 7 bilangan anak tangga.Difahamkan 7 bilangan anak tangga ini mempunyai maksud yang tersirat.Selalunya bilangan anak tangga masjid lama dan rumah tradisional yang terdapat di Malaysia mempunyai bilangan anak tangga yang ganjil. Bilangan tangga yang sering dijumpai di Malaysia bilangan anak tangga 5 dan 7 sahaja. Anak tangga masjid lama Parit Istana ini mempunyai 7 anak tangga . Nombor 7 juga melambangkan sesuatu yang bermanfaat dan keberkatan seperti yang terdapat di dalam surah Al- Fatehah yang mempunyai 7 ayat .  
(Lihat rajah 4.4.12 tangga masjid lama Parit Istana, Kuala Pilah)




Rajah 4.4.12 : Gambar tangga masjid lama Parit Istana, Kuala Pilah

Sumber : Rakaman foto oleh pengkaji di lapangan (28 ogos 2021)

### **g) Ragam Hiasan**

Terdapat beberapa ukiran pada bahagian masjid ini antaranya tiang seri, alang bumbung dan pada tombol tiang bergantung (lebah bergantung). Terdapat empat struktur tiang seri yang setiap satunya berukir pada ruang dalaman masjid ini. Dipercayai setiap tiang seri ini mewakili setiap kaum yang terdapat di Kampung Parit Istana. Ini adalah kerana setiap tiang seri tersebut telah diberikan kepada setiap suku kaum untuk diukir. Ianya dibuat oleh anggota yang terdapat didalam suku kaum tersebut secara bertanggung royong. Perkara ini dapat dilihat pada tiang-tiang tersebut dimana motif ukiran yang terdapat pada tiang-tiang tersebut berbeza antara satu permukaan dengan bahagian yang lain. Ukuran lilit tiang seri masjid ini adalah 15 cm setiap satu.

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN



Rajah 4.4.13 :Strukutur bumbung, dinding dan lantai masjid lama Parit Ishtana, Kuala Pilah

Sumber : Google Images

## 4.5 Motif ukiran pada elemen seni bina masjid lama Parit Istana, Kuala Pilah

### 4.5.1 Analisis motif ukiran pada elemen seni bina masjid lama Parit Istana, Kuala Pilah

Hasil kajian lapangan dan temubual yang telah dilakukan oleh pengkaji bersama dua orang responden yang dilakukan pada hari yang berbeza iaitu bersama Datuk Awaludin dan Profesor Madya Dato Paduka Dr Mohd Rosli Bin Saludin. Temubual yang telah dijalankan telah banyak membantu pengkaji dalam kajian ini. Responden banyak memberi maklumat berkaitan motif ukiran yang ada pada masjid lama Parit Istana yang menjadi persoalan dalam kajian ini. Masjid Lama Parit Istana sememangnya mempunyai seni ukiran yang sangat menarik terutama pada empat batang tiang Seri Utama masjid ini. Oleh itu pengkaji, hanya memfokuskan kajian terhadap empat Tiang Seri Utama masjid parit istana dan ukiran lebah bergantung pada bahagian tengah ruang solat utama.


Kebanyakkan motif berbentuk flora dan berasal dari tumbuh-tumbuhan. Walau bagaimanapun berdasarkan pemerhatian pengkaji mendapati setiap permukaan yang diukir adalah berbeza antara satu dengan lain. Ukiran Bunga Timbul ini mula diukir kira kira 48 cm dari aras lantai dan berakhir pada 20 cm sebelum sampai ke bumbung atas. Dipercayai setiap ukiran ini memiliki makna yang tersendiri bagi setiap suku kaum tersebut.

Empat batang Tiang Seri Utama masjid lama Parit Istana ini, diukir empat suku yang terdapat di kampung Parit Istana tersebut pada ketika itu iaitu :

- i) Suku Kaum Biduada,*
- ii) Suku Kaum Seri Lemak,*
- iii) Suku Kaum Tiga Nenek,*
- iv) dan Suku Kaum Acheh.*

Profesor Madya Dato Paduka Dr Mohd Rosli Bin Saludin, beliau menyatakan setiap tiang Seri Utama masjid ini mempunyai seni ukir yang berlainan. Setiap suku memberi fokus kepada tiang – tiang tersebut. Suku – suku ini sahaja yang terlibat dalam pembinaan masjid ini secara bergotong- gotong bersama penduduk kampung Parit Istana. Kayu tiang Seri Utama diambil oleh masyarakat kampung sekitar kawasan masjid tersebut. Kawasan tersebut merupakan tempat hasil hutan yang banyak yang terdapat di Negeri Sembilan dan terdapat gunung -ganang sekitar masjid lama Parit Istana ini.

Terdapat ukiran lebah bergantung pada bahagian tengah ruang solat utama, ukiran yang mengambarkan suasana kampung pada waktu ukiran serta bangunan ini didirikan . Sebagai contoh terdapat ukiran yang berbentuk bunga padi pada salah satu permukaan tiang dipercayai menunjukkan bahawa ketika ukiran tersebut diukir, kawasan sawah padi yang terdapat dikampung tersebut sedang berbunga. Terdapat juga motif tumbuhan tumbuhan. Dipercayai setiap ukiran ini memiliki makna yang tersendiri bagi setiap suku kaum tersebut.



Rajah 4.5.1 : Susunan tiang Seri Utama masjid lama Parit Istana mengikut suku Negeri Sembilan

Sumber : Lakaran digital oleh pengkaji

Hasil kajian temubual dan kajian lapangan yang telah dilakukan oleh pengkaji bersama Profesor Madya Dato Paduka Dr Mohd Rosli Bin Saludin.Temubual yang telah dijalankan telah membantu pengkaji mengenalpasti kedudukan dan pemilik sebenar tiang Seri Utama yang terdapat di ruang tengah masjid lama Parit Istana ini yang mengikut empat suku kaum tersebut. Berdasarkan Rajah 4.5.1 tiang Seri Utama suku Kaum Biduada terletak di belah hadapan sebelah kanan masjid lama Parit Istana (**Tiang A**), tiang Seri Utama Suku Kaum Acheh terletak di sebelah kanan masjid di bahagian belakang masjid (**Tiang B**), Manakala bagi Suku Kaum Seri Lemak kendudukan Tiang Seri di belakang masjid

sebelah kiri (**Tiang C**) dan Suku Kaum Tiga Nenek terletak disebelah kiri hadapan masjid. (**Tiang D**)

Menurut Profesor Madya Dato Paduka Dr Mohd Rosli Bin Saludin kayu Tiang Seri masjid lama Parit Istana diambil dikawasan hutan berhampiran, kayu tersebut perlulah berusia 50 tahun keatas sahaja untuk dijadikan Tiang Seri Utama sesuatu masjid, rumah dan mahupun istana. Kayu ini dikenali di kawasan Kuala Pilah sebagai kayu “Ponak” iaitu kayu yang sangat keras. Tiang Istana lama Seri Menanti juga turut menggunakan kayu jenis “Ponak” ini. Kekuatan kayu ponak terbukti apabila pengkaji turun lapangan kajian melihat kayu Tiang Seri Utama yang masih kukuh berbanding kayu dinding dan atap walaupun sudah masjid ini berusia 226 tahun.

UNIVERSITI  
—  
MALAYSIA  
—  
KELANTAN



Rajah 4.5.2 : Gambar asli ukiran pada tiang Suku Kaum Biduada

(*Tiang A*) di masjid lama Parit Istana, Kuala Pilah

Sumber : Rakaman foto oleh pengkaji di lapangan (28 ogos 2021)



Rajah 4.5.3 : Gambar asli ukiran pada tiang Suku Kaum Biduada

**(Tiang B)** di masjid lama Parit Istana, Kuala Pilah

Sumber : Rakaman foto oleh pengkaji di lapangan (28 ogos 2021)



Rajah 4.5.3 : Gambar asli ukiran pada tiang Suku Kaum Tiga Nenek (**Tiang C**) di masjid lama Parit Istana, Kuala Pilah

Sumber : Rakaman foto oleh pengkaji di lapangan (28 ogos 2021)



Rajah 4.5.4 : Gambar asli ukiran pada tiang Suku Kaum Tiga Nenek (**Tiang D**) di masjid lama Parit Istana, Kuala Pilah

Sumber : Rakaman foto oleh pengkaji di lapangan (28 ogos 2021)

Ukiran yang terdapat di tiang Seri masjid dan ukiran pada lebah bergantung pada masjid lama Parit Istana iaitu unsur-unsur daripada fauna dan geometri.Berdasarkan kajian lapangan dan temubual pengkaji mendapati unsur bunga pecah empat, bunga semantung, motif batik kawung dan bunga padi yang terdapat di batang lebah bergantung. Motif Berunsurkan Flora Motif yang berdasarkan flora ini biasanya amat popular di kalangan pengukir Melayu. Motif flora adalah asas utama dalam melahirkan seni yang cantik. Masyarakat Melayu mempunyai hubungan yang rapat dengan alam dan telah menjadikan ilham dan gaya dalam bentuk seni ukir mereka.

Menurut Muhammad Yahya (1995), tumbuh-tumbuhan yang popular dan sering menjadi pilihan pengukir Melayu adalah jenis kekacang, labu, ketam guri, bunga cengkoh, teratai, melur, cempaka pucuk rebung dan banyak lagi.Manakala menurut Abdul Halim Nasir (1986), motif flora selalunya diukir dengan corak atau pola yang tertentu bergantung dengan motif, fungsi dan tataletaknya. Awan larat adalah corak yang amat popular dalam seni ukir Melayu. Awan larat berasal dari perkataan awan dan larat.

Menurut Muhammad Afandi Yahya (1995), motif bunga merupakan sesuatu yang indah, menarik dan merupakan sebahagian daripada keindahan alam yang menimbulkan perasaan halus, segar,gembira dan tenang. Maka tidak hairan bunga sering menjadi objek utama dalam ukiran yang terutamanya pada ukiran rumah. Bagi masyarakat Melayu, kepelbagaiannya pada bunga dan rupa bukan hanya berfungsi sebagai keindahan luaran malah mempunyai makna

#### 4.6 Rajah motif ukiran pada tiang Seri Utama masjid lama Parit Istana

Suku	Gambar	Penerangan
1) Suku Kaum Biduanda		<p>Ukiran yang terdapat dalam ukiran suku Kaum Biduanda adalah mengabungkan motif flora dan motif geometri. Pada bahagian tengah terdapat motif flora iaitu <b>Bunga Pecah</b>. Manakala motif geometri berbentuk <b>Segi Empat</b> mengelilingi bunga pecah empat tersebut di bahagian luar. Ukiran ini dikemaskan dengan ukiran geometri <b>Segi Tiga</b> pada bahagia kiri dan kanan tiang Seri Utama masjid lama Parit Istana. Menggunakan teknik ukiran timbul.</p>

2) Suku Kaum Acheh		Terdapat tiga ukiran yang berbeza di tiang Seri Utama Suku Kaum Acheh ini. Terdapat dua motif flora iaitu <b>Bunga Semantung</b> dan motif <b>Batik Kawung Indonesia</b> . Pada bahagian bawah tiang adalah ukiran motif <b>Batik Kawung Indonesia</b> ditengah adalah motif geometri iaitu motif <b>Kelarai Beras Patah</b> . Manakala bahagian atas merupakan motif <b>Bunga Semantung</b> . Menggunakan teknik ukiran timbul.
--------------------	--	--

3) Suku Kaum Seri Lemak		<p>Ukiran yang terdapat di Tiang Seri Utama Suku Kaum Seri Lemak ialah motif flora sahaja iaitu <b>Bunga Semantung</b>. Sepanjang 48 cm motif <b>Bunga Semantung</b> ini di ukir. Menggunakan teknik ukiran timbul</p>
4) Suku Kaum Tiga Nenek		<p>Ukiran yang terdapat di Tiang Seri Utama Suku Kaum Seri Lemak ialah motif flora sahaja iaitu <b>Bunga Batik Kawung Indonesia</b>. Sepanjang 48 cm motif Bunga Semantung ini di ukir. Menggunakan teknik ukiran timbul.</p>


Jadual 4.6.1 Menunjukkan motif ukiran pada tiang Seri Utama masjid

lama Parit Istana

#### 4.7 Penerangan motif ukiran pada tiang Seri Utama masjid lama

##### Parit Istana

i) Suku Kaum Biduada




Rajah 4.7. 1 : Lakaran pembentukan ukiran pada tiang Suku Kaum Biduada

Bunga Pecah Empat atau nama saintifik **Mirabilis Jalapa** merupakan tumbuhan herba. Tumbuhan herba ini boleh mencapai ketinggian sehingga 1 meter. Daunnya berwarna hijau terang dan tersusun secara bertentangan. Ia berbentuk bujur dan tirus di hujungnya. Bunga tumbuhan ini berbentuk seperti corong dan mempunyai lima kelopak. Ia juga terdapat dalam pelbagai warna seperti warna putih, merah, ungu dan kuning. Pemilihan motif flora Bunga Pecah Empat dikaitkan tumbuhan

yang berada sekitar kampung Parit Istana mahupun di sekitar masjid lama Parit Istana ini.

Pengolahan rupa bentuk Segi Empat yang keseluruhan sudut sempadannya sama panjang tetapi tidak bersudut tepat di antara setiap bentuknya, ianya dikenali sebagai rombus atau belah ketupat. Susunan kedudukan motif menunjukkan pengulangan imej secara menegak. Ukiran Segi Empat ini menerangkan paksi pantulan terletak di tengah-tengah antara objek dan imej (Motif Segi Empat) iaitu objek yang mencerminkan dan imej yang membalikkan seperti dalam cermin. Setiap ukiran dipantulkan mempunyai jarak yang sama dari paksi pantulan. Pemilihan motif ini masih termasuk dalam kategori bentuk yang mudah untuk pengukir untuk mengukir. Manakala, motif segi tiga telah digunakan dalam ukiran pada kiri dan kanan sebagai pelengkap ruang kosong diantara ukiran pada tengah Tiang Seri Utama iaitu motif Bunga Pecah Empat dan Motif segi empat tepat

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

*ii) Suku Kaum Acheh*

Rajah 4.7. 2 : Lakaran pembentukan ukiran pada tiang Suku Kaum Acheh


Berdasarkan kajian pengkaji, jika diteliti kita akan dapat lihat sebanyak tiga jenis reka corak yang berlainan yang diabadikan pada permukaan tiang Suku Kaum Seri Lemak dengan motif **Bunga Semantung**, disamping itu dicampurkan dengan **Bunga Pecah Empat** dan bentuk geometri iaitu motif **Kelarai Beras Patah**. Tiang Seri Suku Kaum Acheh ini agak kelihatan cantik dan rumit ukiran berbanding Tiang Seri Suku Kaum lainnya.

Ukiran pada tiang Seri Utama suku Kaum Suku Acheh terdapat bentuk geometri iaitu **Kelarai Beras Patah**. Menurut Rushana Sulaiman @ Abd Rahim reka bentuk geometri dapat dilihat dalam seni anyaman. Seni anyaman Melayu mempunyai satu teknik hias yang dikenali sebagai

kelarai. Reka corak ini dizahirkan menerusi pemikiran penganyam melalui seni anyaman tikar mengkuang, tikar pandan, tudung saji dan dinding dengan menggunakan buluh atau mengkuang (Siti Zainon Ismail, 2018).

**Kelarai Beras Patah** berada dalam kategori Kelarai Dua Dimensi yang menunjukkan pengulangan corak seolah-olah mempunyai pergerakan dalam susunan yang dihasilkan yang melibatkan dua arah atau lebih. Corak **Kelarai Beras Patah** pergerakan yang ditunjukkan lebih rawak. Kesan yang dihasilkan dengan pengulangan corak dalam bayang yang tidak selari memberikan kesan visual yang pelbagai untuk ditafsirkan. Corak Kelarai Beras Patah boleh ditafsirkan sebagai tindihan dua garis simetri. Pengulangan garisan simetri dalam corak secara menegak dan melintang telah membentuk satu corak kelarai.

*iii) Suku Kaum Seri Lemak*




Rajah 4.7. 3 : Lakaran pembentukan ukiran pada tiang Suku Kaum Seri Lemak

Motif utama yang digunakan pada tiang pada Tiang Suku Kaum Seri Lemak dikenali sebagai bunga Semantung. Untuk mengenali ukiran **Bunga Semantung** adalah mudah. Ianya digabungkan dengan ukiran motif akar, daun dan bunga.

Jika dilihat pada setiap tiang yang berukiran kita boleh mengatakan bahawa setiap ukiran di ukir menggunakan kaedah pengulangan ukiran dari bawah hingga ke atas kanan dan kiri Tiang Seri tersebut. Pengulangan motif – motif pada ukiran adalah sama berat atau dengan lain perkataan “simetris” wujud pada reka bentuk ukiran di setiap tiang yang berukiran.(Kh'ng Ching Fuh ,1993/1994)

iv) *Suku Kaum Tiga Nenek*



Rajah 4.7. 4 : Lakaran pembentukan ukiran pada tiang Suku Kaum Tiga Nenek

Disebabkan Negeri Sembilan adalah negeri yang mempunyai pengaruh dari Minangkabau iaitu dibawa Alharhum Raja Melewar atau nama sebenarnya Raja Mahmud. Oleh itu, kebanyakkan rumah, istana , dan masjid mempunyai pengaruh dari Minangkabau seperti ukiran kayu. Berdasarkan kajian lapangan pengkaji dan kajian lepas mendapati masjid lama Parit Istana mempunyai ukiran dari Minangkabau seperti motif batik Kawung.

Menurut sejarah, motif Kawung dicipta oleh Sultan Agung Hanyokrokusumo di Mataram. Dia mencipta dengan mengambil bahan-bahan dari alam, atau benda benda sederhana dan kemudian diangkat menjadi motif batik yang baik (Koeswadji, 1981: 112). Motif Kawung diilhamkan daripada pokok kurma atau kurma yang buahnya berbentuk bujur dengan warna putih jernih atau dipanggil ko lang-kaling. Apabila dilihat mengikut keterangan buah kurma atau kolang kaling, maka motif Kawung mempunyai makna simbolik yang penuh.

#### 4.8 Analisis makna motif ukiran pada elemen seni bina masjid

##### Iama Parit Istana Kuala Pilah

Suku	Gambar	Penerangan
1)Suku <i>Kaum Biduada</i>		<ul style="list-style-type: none"> <li>- Pertautan antara satu sama yang lain</li> <li>- Nilai masyarakat itu adalah penting</li> <li>- Unsur- unsur alam penting kepada manusia</li> <li>- Kehidupan manusia dilingkungi peraturan dan perundangan</li> </ul>
2)Suku <i>Kaum Acheh</i>		<ul style="list-style-type: none"> <li>- Keakraban,musyawarah,muafakat dalam masyarakat adalah penting</li> </ul>

<p><i>3) Suku Kaum Seri Lemak</i></p>		<ul style="list-style-type: none"> <li>- Keindahan alam</li> <li>- Hubungan manusia dengan alam</li> </ul>
<p><i>4) Suku Kaum Tiga Nenek</i></p>		<ul style="list-style-type: none"> <li>- Prinsip gotong-royong</li> <li>- Kepercayaan yang dipegang orang jawa</li> <li>- Lambangkan manusia yang baik</li> <li>- Melambangkan nilai kebijaksaan</li> </ul>

Jadual 4.8.1 Menunjukkan makna ukiran pada tiang Seri Utama masjid

lama Parit Istana

#### 4.9 Penerangan makna ukiran pada tiang Seri Utama masjid lama

##### Parit Istana

###### i) Suku Kaum Biduada

Pengaruh ukiran daripada flora seperti Bunga Pecah Empat Ini menunjukkan bahawa hal-hal semulajadi tanah mengilhami seni ukir orang-orang Melayu. Ini membuktikan kepekaan orang Melayu pada alam sekelilingnya. Oleh sebab itulah pada setiap ukiran di ruang dan anjung rumah, masjid, dan istana ini melambangkan kekayaan tatasusila dan kehalusan budi bahasa Melayu zaman lampau

Unsur geometri atau ‘tumpal’ dikatakan ada hubungan dengan pengaruh pra sejarah.Ukir yang berunsurkan geometri ini dapat dikesan dalam seni ukiran Melayu yang mengambil pola-pola seperti bentuk bersegi atau dikenali juga sebagai pola tumpal. Kaki dan bentuk perubahannya disusun berderet-deret dan kadangkala perubahan itu dicantumkan dengan sulur tumbuhan. Satu lagi unsur geometri yang dikira sebagai.(Mohamad Nazzri bin Ahmad,2016)

warisan pra sejarah ialah pilin berganda berbentuk huruf ‘S’ yang disusun berderet - deret. Ukiran-ukiran geometri ini juga sering didapati pada alat-alat seperti tembikar, barang tembaga dan peralatan harian yang digunakan di dalam rumah. (Abd.Halim Nasir, 1986)

*ii) Suku Kaum Acheh*

Dalam Tiang Seri bagi Suku Kaum Acheh ukiran pada ukiran tiang tersebut telah menggabungkan tiga ukiran yang berbeza pada tiang ini. Tiang Seri bagi Suku Kaum Acheh merupakan Tiang Seri tercantik di antara- antara semua tiang. Seperti yang dinyatakan sebelum ini, motif bunga yang diukir dalam ukiran tersebut merupakan motif Bunga Pecah Empat. Ukiran pada tiang ini juga terdapat pada tiang Suku Kaum Seri Lemak bagi motif Kawung dan motif Bunga Semantung bagi Suku Kaum Tiga Nenek.

*iii) Suku Kaum Seri Lemak*

Berdasarkan kajian pengkaji Tiang Seri bagi Suku Kaum Seiri Lemak sama dengan Tiang Seri di Istana Lama Seri Menanti, Kuala Pilah sama motif ukiran tersebut .Namun Tiang Seri di masjid lama Parit Istana Suku Kaum Seri Lemak motif ukiran hanya daun menjalar tiada bunga di dalam ukiran tersebut.

Jika diteliti kita akan dapat lihat sebanyak empat jenis reka corak yang berlainan yang diabadikan pada permukaan tiang dengan motif permata, disamping itu dicampurkan dengan daun-daun dan bunga serta bentuk geometri. Motif utama yang digunakan pada tiang-tiangnya ada juga yang dikenali sebagai bunga Semantung. Untuk mengenali ukiran bunga Semantung adalah mudah. Ianya digabungkan dengan ukiran motif akar, daun dan bunga. Daunnya sering diukir seiring, sama ada dua atau tiga dengan selari. Ada juga daripada tiangnya sama seperti rekabentuk

tradisional yang dikenali sebagai 'kayu tampuk manggis' yang begitu terkenal

pada ukiran perak dan kayu. Ukiran kayu tampuk manggis ini didapati dicampurkan dengan ukiran pada tiang-tiang sama ada pada ukiran bunga yang terlihat bergulung, juga bentuk awan larat. Pengaruh kebudayaan Cina juga dapat dilihat melalui pangkal Motif ukiran yang terdapat pada Tiang Seri Istana lama Seri Menanti (Kh' ng Ching Fuh, 1993)

iv) *Suku Kaum Tiga Nenek*

Menurut Kartini Parmono (2013) maksud motif Kawung terbahagi kepada :

a) *Sistem ekonomi di kawasan luar bandar*

Motif Kawung menggambarkan sistem ekonomi di kampung yang disesuaikan dengan pembahagian masa masyarakat Jawa, berdasarkan prinsip gotong-royong dan harmoni. Sejak berabad dahulu, etnik Jawa menggunakan unit masa yang terdiri daripada *lima satuan hari, Legi, Pahing, Pon, Wage dan Kliwon*. Corak yang terdiri daripada empat motif bujur dengan pusat di tengah mewakili lima kampung yang berdekatan antara satu sama lain, setiap satunya mempunyai giliran sekali dalam lima hari pasar atau pusat penjualan hasil pertanian dari lima buah kampung tersebut. Maksud gaya ekonomi seperti ini ialah mencari keharmonian dan kesejahteraan di kawasan luar bandar. Sehingga kini kiraan pasaran masih berlaku untuk masyarakat Jawa dan pasar kampung yang berputar mengikut hari pasaran, juga masih berterusan di kebanyakan kawasan pedalaman di Indonesia.

Sementara itu, di kawasan terpencil yang jauh dari Keraton, masyarakat setempat sudah biasa dengan corak Kawung. Corak Kawung melambangkan kesuburan, kerana dua motif silang kecil dalam bentuk bujur menyerupai biji dalam buah. Ini menggambarkan kehidupan masyarakat luar bandar yang subur dan makmur, apa sahaja yang ditanam pasti menghasilkan buah yang berguna.

*b) Sistem pemerintahan*

Corak Ceplok merupakan salah satu variasi dalam Kawung dengan perubahan dalam bulatan menjadi segi empat tepat atau berbentuk bintang, yang juga disusun secara geometri. Corak Ceplok ni mempunyai kaitan dengan kepercayaan yang dipegang oleh orang Jawa pada zaman pra-Hindu iaitu kejawen. Asas kejawen ialah konsep kuasa. Ada kuasa di alam semesta, ada juga kuasa di kalangan manusia. Pada corak Kawung atau Ceplok tercermin pembaris atau raja yang menjadi pusat kekuasaan di dunia, pemimpin umat manusia, pelindung orang yang lemah dan soleh. Raja juga dianggap sebagai jelmaan tuhan. Pusat kuasa dikelilingi oleh empat sfera atau segi empat tepat, atau bintang. Menurut Iwan Tirta, ini bermakna raja dikelilingi oleh pembantunya iaitu para bupati. Orang Jawa percaya bahawa empat bentuk yang mengelilingi pusat adalah sumber tenaga alam semesta

*c) Lambang manusia yang baik*

Motif Kawung diinspirasikan daripada pokok Kawung iaitu sejenis pokok aren yang buahnya berbentuk bulat dan bujur dengan warna putih

jernih atau dipanggil kolang-kaling. Motif Kawung juga dikaitkan dengan haiwan, berbentuk bujur, iaitu kuwangwung (Sewan Susanto, 1980: 81).

Motif Kawung diinspirasikan daripada pokok aren atau pokok kelapa yang buahnya berbentuk bujur dengan warna putih jernih atau dipanggil kolang-kaling. Apabila dilihat mengikut keterangan buah kurma atau kolang kaling, maka motif Kawung mempunyai makna seperti pohon kurma sangat bermanfaat bagi kehidupan manusia, dari batang, daun, sabut , getah dan buahnya. Secara keseluruhan, dapat dimanfaatkan untuk kehidupan manusia. Ini mengingatkan manusia dalam hidupnya boleh berguna untuk bangsa dan negara, seperti pokok kurma. Motif Kawung mempunyai makna simbolik yang mendalam agar pemakai motif tersebut menjadi manusia yang unggul dan hidupnya berguna dan berguna.

d) Melambangkan nilai kebijaksanaan

Menurut Kushardjanti, prinsip motif Kawung merupakan lambang konsep Panca-Pat yang selalu melambangkan angka 4 (empat) yang sama bentuk dan satu pusat atau inti. Pancapat bermaksud kebijaksanaan tradisional. Panca-Pat adalah kebijaksanaan tradisional dalam falsafah kosmologi dan kehidupan, peraturan negara, politik, ekonomi

#### 4.10 RUMUSAN BAB

Secara keseluruhannya, dalam bab ini pengkaji telah menerangkan perkara berkaitan dengan objektif yang hendak dicapai terutamanya seni bina masjid lama Parit Istana ,Kuala Pilah dan motif ukiran terhadap masjid ini. Kepelbagaian jenis motif dalam ukiran kayu terhadap Tiang Seri utama menjadikan masjid lama Parit Istana kelihatan sangat menarik. Kajian ini dapat dijalankan dengan baik mengikut metodologi kajian yang telah dirancang. Usaha pengkaji untuk mengadakan temubual bersama responden juga berjaya diaturkan. Pertemuan yang dijalankan berjaya memberi dan membantu pengkaji untuk mendapatkan maklumat yang lebih tepat berkaitan kajian. Pertemuan yang dijalankan berjaya memberi dan membantu pengkaji untuk mendapatkan maklumat yang lebih tepat berkaitan kajian.

UNIVERSITI  
—  
MALAYSIA  
—  
KELANTAN

## BAB 5

### PERBINCANGAN, RUMUSAN DAN CADANGAN

#### 5.1 PENGENALAN

Bab ini membincangkan dan merumuskan hasil dapatan yang diperoleh daripada bab empat serta membuat kesimpulan terhadap keseluruhan dalam kajian pengkaji. Keseluruhan perbincangan bab ini akan hanya menjurus kepada Analisa dapatan kajian yang merangkumi objektif kajian dan cadangan iaitu merujuk kepada pandangan pengkaji berkenaan keseluruhan kajian yang akan menjadi dan rujukan kepada pengkaji akan datang.

#### 5.2 PERBINCANGAN

##### 5.2.1 *Struktur Binaan*

Struktur yang ada pada Masjid Kampung lama Parit Istana dipengaruhi oleh struktur dari Minangkabau dan pengaruh tempatan. Bangunan utama masjid ini beratapkan piramid bercabang tiga, celah diantara tumpang atapmenjadi tempat masuknya cahaya ke masjid.

##### 5.2.2 *Keistimewaan*

Jika dilihat secara teliti, Masjid Kampung lama Parit Istana merupakan sebuah masjid yang unik dan menarik dari segi ukiran terhadap keempat tiang Seri Utama masjid ini. Difahamkan tiada pengubahsuaian terhadap

masjid ini dengan mengekalkan struktur asal apabila. Oleh yang demikian, nilai warisannya adalah begitu tinggi dan sungguh berharga. Keistimewaan juga ialah ianya boleh menjadi sebuah masjid yang Perlu diberi tumpuan agar masjid ini tidak dilupakan oleh generasi muda dan perlu dipelihara untuk tatapan generasi yang akan datang serta sebagai kunjungan pelancong untuk melihat dengan lebih dekat.

#### *5.2.3 Hubungan manusia dengan alam*

Hubungan manusia dengan alam adalah hubungan yang tidak dapat dipasahkan. Konsep dan olahan idea pada motif ukiran mampu menambah-nilai sebuah penghasilan berseni dalam karya ukiran bermotif daripada alam. Ini dapat dilihat pada keindahan yang terpancar melalui penonjolan motif dan penyusunannya sebagai pola dan corak tertentu. Dalam hubungan ini, orang Melayu sering memerhatikan alam sekeliling untuk mencari idea dan ilham bagi mengisi kesenian. Hubungan akrab orang Melayu dengan alamnya membawa inspirasi bagi menghasilkan sesuatu barang yang indah daripada pelbagai sumber. Berasaskan sumber inspirasi inilah, masyarakat Melayu mencipta motif, corak dan pola yang cantik sifatnya seperti dedaun, sulur, buah, bunga dan sebagainya.

#### *5.2.4 Daya kreativiti dalam ukiran kayu*

Seni ukiran kayu merupakan sejenis kraf tangan Melayu tradisional yang digunakan untuk menghiasi istana, masjid, rumah dan lain – lain seni bina kediaman yang menjadi kebanggaan masyarakat pada zaman dahulu.Ukir kayu tradisional dianggap sebagai hasil kreativiti orang

Melayu dalam bentuk tampak dan mendapat tempat istimewa dikalangan masyarakat di negara ini. Daya kreativiti ini dapat dilihat dengan jelas melalui sifat fizikal ukiran kayu iaitu pengolahan motif-motif dalam ukiran. Dalam seni ukiran kayu Melayu, terdapat beberapa teknik dan gaya bagaimana ukiran-ukiran kayu diolah mengikut kebolehan, kebijaksanaan, kemahiran, daya kreatif dan juga kemampuan yang ada pada seseorang pengukir. Pemilihan unsur atau motif perlu dibuat supaya bersesuaian dengan kehendak masyarakat Melayu supaya ia tidak bercanggah peraturan-peraturan atau tata adat resam masyarakat Melayu yang mengamalkan berbagai bentuk kebudayaan.

#### *5.2.5 Prinsip estetika dalam ukiran kayu Melayu*

Prinsip estetika seni rupa Melayu ialah halus, berguna, berlambang, berlawan dan bermakna. Tiga unsur penting estetika iaitu isinya, rupanya, pernyataannya. Ketiga-tiga unsur menjelaskan kesempurnaan disamping ketinggian nilai hidup, kepercayaan dan pemikiran Melayu. Keindahan seni ukiran kayu boleh dinilai pada kelembutan silat yang terdapat pada daun, bunga dan batang. Motif-motif tumbuh-tumbuhan yang biasa digunakan adalah berasal dari putik bunga, bunga kembang, dan buah. Penggunaan warna dan penyerahan unit pada silat juga dapat menonjolkan ciri-ciri keindahan pada panel ukiran. Nilai estetik dalam sebuah ukiran kayu diambil kira pada keindahan ukiran, konsep, komposisi, pemilihan bahan, teknik dan kemasan. Seni ukiran juga bukan sekadar indah dari segi fizikal malah mempunyai makna-makna yang tersirat yang ditonjolkan melalui pola-pola ukiran yang berteraskan kepada adat, nilai dan norma, agama dan sebagainya. Maknanya, orang Melayu hari ini melihat konsep

kesenian dalam bentuk yang berbeza iaitu tertumpu pada aspek estetika (falsafah tentang keindahan).

Selanjutnya, tumpuan juga adalah lebih terhadap sesuatu yang tersirat berbanding dengan yang tersurat. Melalui pengertian estetika, konsep kesenian Melayu dinilai berdasarkan pada penghayatan, tanggapan, rasa senang, terharu, menenangkan, bergetar jiwa, syahdu, terdorong untuk berfikir, merenung, terkesan dan berasa peka (terhadap sejarah, kemanusiaan, kemasyarakatan, alam, ketuhanan dan sebagainya).

#### *5.2.6 Falsafah dan pemikiran pengukir*

Pencipta seni ukiran harus memahami makna dan falsafah yang terkandung di dalam setiap motif yang diciptanya. Ini penting supaya mereka mampu menyerat dan menghayati nilai-nilai yang dimaksudkan, menyebarluaskan, dan menempatkan motif itu sesuai menurut alur dan patutnya. Penjelmaan sesuatu pola atau ragam hias dalam ukiran kayu Melayu tidak dapat dipisahkan dengan dua perkara iaitu motif hias dan teknik penyusunan. Kedua-duanya terikat dengan perhitungan tata aturan dan adat resam serta kesopanan yang telah ditetapkan oleh pendukung sesuatu rumpunan keturunan Melayu. Pola-pola pada ukiran kayu juga mempunyai perhitungan atau makna-makna tertentu yang berkaitan dengan adat resam, agama, kepercayaan, nilai dan norma, keindahan dan lain-lain. Oleh itu pengukir pengukir tradisi tidak hanya bertanggungjawab untuk menghasilkan karya ukiran yang indah malahan harus berkemampuan serta berwibawa melahirkan karya seni bermotif yang

mengandungi erti dan falsafah yang boleh diterima oleh pendukung kebudayaan itu.

### 5.3 CADANGAN

Seperti yang diketahui, Masjid lama Parit Istana, Kuala Pilah, Negeri Sembilan. Merupakan salah satu masjid yang paling tua di Negeri Sembilan. Dengan sejarah asal-usul pembinaannya yang unik telah menjadikan masjid berkenaan sebagai sebuah masjid yang menarik perhatian bagi sesetengah pihak terutamanya bagi golongan yang menghargai nilai warisan yang ada di negara kita. Bagi menaikkan lagi nama Masjid lama Parit Istana di persada dunia. Perlu adanya usaha dilakukan oleh pihak yang bertanggungjawab seperti kerajaan persekutuan, kerajaan negeri maupun badan bukan kerajaan (NGO). Antara usaha yang perlu dilakukan adalah seperti:

#### 5.3.1 Menaiktaraf Masjid

Menaiktaraf masjid lama Parit Istana boleh dilakukan dengan menjadikan masjid berkenaan sebagai tempat utama dalam menyampaikan ilmu agama, dan bukan sekadar tempat untuk membuat bahan kajian sejarah. Sebagai salah satu contohnya dengan mengadakan ceramah agama setiap minggu dan aktiviti-aktiviti keagamaan bagi menarik perhatian masyarakat terutamanya dari golongan muda. ini, pihak kerajaan negeri atau badan- badan bukan kerajaan (NGO) hendaklah bekerjasama untuk mengadakan pameran berkaitan dengan sejarah pembinaan masjid tersebut dengan mempamerkan sejarah asal usul

pembinaannya dan tidak lupa masjid sezaman masjid lama Parit Istana. Pameran yang dilakukan perlulah diwajibkan setiap tahun bagi mempertengahkan masjid lama Parit Istana agar dikenali di seluruh Malaysia mahupun di persada dunia. Dengan pendedahan yang sedemikian secara tidak langsung dapat menanamkan rasa minat dalam kalangan masyarakat kita agar lebih menghargai nilai warisan yang ada di Malaysia.

#### *5.3.2 Aktiviti pendokumentasian, promosi, serta pendedahan terhadap aspek seni ukiran*

Aktiviti pendokumentasian, promosi, serta pendedahan terhadap aspek seni ukiran dapat membuka minda masyarakat tentang pentingnya warisan seni ukiran kayu yang penuh dengan nilai-nilai estetika yang secara tidak langsung menggambarkan pemikiran orang Melayu pada masa dahulu dalam usaha mengaplikasikan kemahiran yang terdapat dalam diri mereka. Para pengukir menggunakan pelbagai teknik dan gaya untuk mengolah ukiran-ukiran kayu mengikut kebolehan, kebijaksanaan, kemahiran serta daya kreatif pengukir tersebut. Mempelajari ukiran supaya mencapai tahap yang setanding pengukir-pengukir yang masyhur memerlukan ketekunan, minat, serta jangkamasa yang lama. Melihat kepada kurangnya usaha menurunkan kepandaian seni ini kepada generasi-generasi yang baru hari ini, akan menyebabkan bidang seni ukiran kayu akan mati terkubur.

### 5.3.3 Memartabatkan ukiran tradisional di bangunan kerajaan dan bangunan swasta

Usaha-usaha menghidup serta memperkenalkan kembali seni pertukangan kayu. Bangunan utama yang dibina di bandar-bandar perlu diterapkan dengan ukiran – ukiran tradisional dan kesenian Malaysia. Kebanyakkan bangunan seperti masjid yang dibina diispirasikan dari luar negara seperti Arab , Turki dan lain- lain.Oleh itu, kesedaran menghidup serta memperkembangkan semula seni pertukangan Melayu sebagai suatu ciri kesenian lama Malaysia dan juga seni ukirnya, merupakan langkah yang tepat dalam mencari teras dan identiti kebudayaan Malaysia. Dalam kepelbagaian unsur baru yang wujud di dalam kesenian di negara ini menjadikan budaya Malaysia lebih mantap. Bangunan -bangunan warisan yang terdapat di Malaysia adalah melambangkan corak senibina dalam kebudayaan Malaysia yang asli. Sebagai contohnya, bentuk dan seni bina rumah tradisi seperti rumah Melayu di Melaka, rumah bentuk Melayu Minangkabau di Negeri Sembilan dan beberapa jenis bentuk yang lain lagi, mengandungi ciri-ciri khusus menggambarkan sifat-sifat utama budaya Malaysia yang asli

### 5.3.4 Kerajaan menggalakkan seni warisan ukiran kayu

Kerajaan memainkan peranan yang penting dalam memperkenalkan dan menggalakkan lagi seni warisan ukiran kayu supaya lebih terbuka dan dapat diterima dalam masyarakat. Kesedaran menghidup serta memperkembangkan semula seni pertukangan seni ukiran kayu sebagai suatu ciri kesenian lama Malaysia merupakan langkah yang tepat dalam

mencari teras dan identiti kebudayaan Malaysia. Dalam kepelbagaian unsur baru yang wujud di dalam kesenian di negara ini menjadikan budaya Malaysia lebih mantap lagi jikalau ia berteraskan kebudayaan asli rakyat di rantau ini. Inisiatif ini bertujuan menghidupkan kembali kemahiran orang Melayu yang sungguh masyhur pada suatu ketika dahulu. Antara langkah dalam usaha untuk memajukan perkembangan seni ukir termasuklah pemberian bantuan serta pinjaman kewangan kepada individu-individu yang berkemahiran dalam bidang tersebut. Kerajaan juga boleh membuka bengkel-bengkel di merata tempat di negara ini bagi memberi latihan kepada belia-belia tempatan yang berminat. Dengan terlaksananya langkah-langkah yang ideal untuk mengkomersialkan seni ukiran kayu maka Malaysia akan menjadi salah sebuah negara yang mempunyai daya tarikan kerana masih dapat mempertahankan seni warisan negara daripada terkubur.

#### 5.4 RUMUSAN BAB

Kesimpulan, Rumusan dalam bab ini ialah seni bina dan ukiran kayu Melayu merupakan salah satu seni yang mengalami revolusi bagaimanapun ia masih mengekalkan ciri-ciri keperibadian Melayu. Pelbagai usaha pengekalan boleh dilakukan bagi memastikan seni rupa ini terus kekal dan dapat diwarisi oleh generasi muda pada hari ini sebagai pelapis untuk merencana agenda seni rupa tradisi Melayu. Elemen-elemen moden serba sedikit telah mempengaruhi senibina masjid yang berada di negara kita. Ukiran-ukiran kayu kebanyakannya sudah tiada di masjid yang dibina pada era ini. Dengan adanya masjid ini, orang ramai akan mengetahui senibina warisan pada zaman dahulu.

## 6.0 RUJUKAN

- Ahmad Zaki Haji Abd. Latif (2007). *Pentadbiran Masjid Secara Profesional.* Putrajaya.Yayasan Islam Hadhari
- Abdul Halim Mat Diah (1987) *Suatu Contoh Tentang Huriaian Metodologi.* Kuala Lumpur: Fakulti Usuluddin, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.
- Abd Allah Basmih, (1977). *Kedudukan Masjid Dalam Islam.* Pusat Penyelidikan Islam. Kuala Lumpur.
- Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Pulau Pinang (2003).*Jabatan Perangkaan Malaysia*
- Abdul Halim Nasir(1979). *Masjid-Masjid di Nusantara.* Bangi.UKM.
- Abdul Halim Nasir. *Mosque Architecture in The Malay World.*
- Abdullah Mohamed, (1978), *Bentuk-bentuk Bangunan Masjid kunci Memahami Kebudayaan Melayu,* Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan. Kuala Lumpur
- Zulkifli Hanafi, (1985), *Kompedium Sejarah Seni Bina Timur.* Pulau Pinang. Universiti Sains Malaysia
- Kamus Dewan (2005) Dewan Bahasa & Pustaka : Kuala Lumpur
- Shafie Abu Bakar (1984) *Keindahan dalam kesenian Islam.* Kertas Kerja seminar Kesenian Islam.Dewan Bahasa dan Pustaka : Kuala Lumpur
- Bambang Isdianto dll (2009), *Bangunan Kolonial, Masjid Jamek Bandar Seremban Jalan*

Tun Dr. Ismail, Seremban, Negeri Sembilan Lukisan  
Terukur, Politeknik Port Dickson, Negeri Sembilan

Hamzah Jumiran (1979), *Seni bina Tradisional Negeri Sembilan Dalam Aspek Sejarah, Sosio Budaya, Rekabantuk Dan Pembinaan*, Tesis Sarjana Seni Bina, Universiti Teknologi Malaysia

Ahmad, A. G. (1994). pengenalan kepada bangunan dan monumen lama di

malaysia. <http://www.hbp.usm.my/conservation/SeminarPaper/NGAH1.html>

Nasir, A. H. (1995). seni bina masjid di dunia melayu-nusantara.

<https://books.google.com.my/books?id=g8pLAQAAIAAJ&q=abdul+halim+seni+bina+masjid+di+dunia+melayu-nusantara&dq=abdul+halim+seni+bina+masjid+di+dunia+melayu-nusantara&hl=en&sa=X&ved=2ahUKEwjKpjjm39LwAhU9wTgGHdW9CscQ6AEwAHoECAAQAg>

Naziran, S. (2019). Masjid Kampung Laut. Majlis Daerah Tumpat. <http://mdtumpat.kelantan.gov.my/index.php/component/content/article/113-destinasi-menarik/284-masjid-kampung-laut?Itemid=1010>

Rahimah Abdul Aziz, Chan Kim Ling, Sharina Abdul Halim (2012). *Pemuliharaan Warisan Pendokumentasian Kajian*. Penerbit

- Universiti Kebangsaan Malaysia Bangi.  
Saidatulakmal Mohd,Azlinda Azman,Jamalludin. (2011).*Kelestarian Warisan Negara.*
- Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan: *Universiti Sains Malaysia Pulau Pinang,Malaysia*
- Trusted Law Book Services.(2012).*Akta Warisan Kebangsaan 2005 (Akta 645) dan Peraturan-peraturan & National Heritage Act 2005 (Act 645) and Regulations.*Golden Books Centre SDN.BHD,Wisma ILBS.
- Absul Hamid B.Hj.Mar Iman.(2017).*Kaedah Penyelidikan & Penulisan Laporan Projek Tahun Akhir.*Penerbit UMK.Reka Cetak SDN.BHD.
- Mastor Surat. (2017).*Reka Bentuk Masjid Warisan Melayu.*Fiedaus Press Sdn.Bhd.Selangor Darul Khusus.
- Keith Hockton & Howard Tan.*Penang An inside guide to its historic homes,buiddings,monument and parks.*MPH Group Printing (M) Sdn Bhd.Kuala Lumpur,Malaysia.
- Zuraidah Hassan. (2012). Tesis Prosedur Penjagaan Koleksi Warisan: Kajian Muzium. Retrieved from<https://docplayer.net/54726503-Prosedur-penjagaan-koleksi-warisan-kajian-di-jabatan-muzium-malaysia.html>
- Yuszaidy Mohd Yusoff. (2005). Tesis Perlindungan Harta

Warisan: Keberkesanan Usaha,  
Pemuliharaan Dan Pemeliharaan. Retrieved from  
<https://scholar.google.com/citations?user=rEvhv5kAAAAJ&hl=en>

usoff, M. (2003 ). *Penyelidikan Kualitatif: Pengalaman Kerja Lapangan (Qualitative Research: Experiences from the fieldwork)*. Kuala Lumpur: Univesity Malaya Press (Malay Version). Retrieved from <https://jurnalkemanusiaan.utm.my/index.php/kemanusiaan/article/view/>

UNIVERSITI  
—  
MALAYSIA  
—  
KELANTAN




Rajah 7.1 : Pengkaji Bersama Encik Md Ali Bin Mit  
(Ketua Majlis Pengurusan Komuniti Kampung Parit Istana )



Rajah 7.2 : Pengkaji bersama Datuk Awaludin  
(Dato' Diraja Suku Biduada Luak Terachi)



Rajah 7.3: Pengkaji bersama Mohamad Nazim Bin Abd Gaman  
(Penolong Kurator tapak Lembaga Muzium Negeri Sembilan)



Rajah 7.4 : Pengkaji Bersama Profesor Madya Dato Paduka Dr Mohd Rosli Bin Saludin  
(Felo penyedidik kanan Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA) UKM ,Bangi Selangor)



UNIVERSITI  

---

MALAYSIA  

---

KELANTAN